# UUM 2023

## LAPORAN TAHUNAN

UUM

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

# UUM 2023

## LAPORAN TAHUNAN

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

# Isi Kandungan

04 Universiti Utara Malaysia - Selayang Pandang

05 Matlamat Penubuhan

06 Visi, Misi dan Objektif Penubuhan Universiti

07 Falsafah Universiti

08 Piagam Pelanggan

09 Nilai-nilai Bersama

10 Canselor Universiti Utara Malaysia

11-13 Pro-Canselor Universiti Utara Malaysia

14 Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

15 Naib Canselor Universiti Utara Malaysia

16-20 Ahli Lembaga Pengarah Universiti

21 Jawatankuasa Pengurusan Universiti

22-25 Senarai Ahli Senat Universiti

26-27 Carta Organisasi Universiti Utara Malaysia

28 Aluan Pengerusi Naib Canselor Universiti

29-38 Tadbir Urus Korporat dan Kawalan Dalaman

39-44 Hal Ehwal Antarabangsa

45-54 Hal Ehwal Akademik dan Majlis Konvokesyen

55-66 Maklumat Penyelidikan, Penerbitan dan Inovasi

67-72 Simbiosis Universiti Utara Malaysia dan Komuniti

73-78 Pembangunan Sumber Manusia

79-92 Pembangunan Infrastruktur dan Infrostruktur

93-100 Pemerkasaan Mahasiswa dan Keusahawanan

101-108 Pencapaian Universiti Utara Malaysia

109-159 Laporan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia

# Selayang Pandang

Universiti Utara Malaysia (UUM) telah ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan penubuhannya secara rasmi pada 16 Februari 1984 di bawah Perintah (Perbadanan) yang tertumpu khas kepada bidang pengurusan, ekonomi, perbankan, perakaunan dan perniagaan.

Sejarahnya bermula dengan perancangan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menubuhkan sebuah universiti yang mengkhususkan dalam bidang pengurusan pada bulan Ogos 1983. Pada 19 Oktober 1983, Jemaah Menteri telah memberi kelulusan rasmi ke atas projek yang pada waktu itu dinamakan Projek Universiti Keenam, di Kedah. Pejabat sementara universiti keenam yang diberi nama Universiti Utara Malaysia itu dibuka pada Februari 1984 di Jitra.

Pada Jun 1984, ia berpindah ke kampusnya yang pertama, Kampus Darul Aman bagi menyambut ketibaan pelajar-pelajar sulung UUM menjelang kemasukan mereka pada awal bulan Julai 1984. Kampus tersebut didirikan di atas satu kawasan seluas 62 ekar di Bandar Darul Aman, iaitu 18 km ke utara Alor Setar dan 4.8 km dari Jitra.

Sementara itu perancangan untuk membina sebuah kampus tetap sudah pun bermula di atas satu kawasan seluas 1,061 hektar dalam Daerah Kubang Pasu juga yang terletak 28 km ke utara kampus sementara.

Kampus baharu UUM yang terletak di Sintok mula beroperasi pada 15 September 1990. Kampus yang jaraknya 48 km di utara Alor Setar dan 10 km di timur Changlun itu merupakan bekas lombong bijih timah yang dikelilingi pemandangan indah hutan hujan tropika dan bukit bukau. Selain itu, di tengah-tengahnya mengalir dua batang sungai iaitu Sungai Sintok dan Sungai Badak. Kampus ini telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor pada 17 Februari 2004.

Bagi menambah keindahan UUM dan menjadi satu tempat kondusif untuk pelajar, UUM menyediakan pelbagai kemudahan termasuklah hotel EDC, pusat sukan yang lengkap, kolam renang bertaraf olimpik, kawasan perkhemahan, padang golf 18 lubang, litar go-kart, taman rusa, taman burung unta, jungle trekking, lapang sasar menembak dan memanah, UUM International School dan muzium pengurusan.

# Matlamat Penubuhan

Matlamat utama penubuhan UUM adalah untuk memenuhi matlamat asas mengisi permintaan guna tenaga yang berkelayakan dan terlatih dalam bidang pengurusan. Selain itu, kampus ini ditubuhkan untuk mengembangkan dan memajukan pendidikan pengurusan. Program akademiknya tertumpu kepada bidang-bidang pengurusan, perakaunan, ekonomi, teknologi maklumat, pentadbiran awam, pengurusan sumber manusia, keusahawanan, kewangan dan perbankan, undang-undang, pemasaran, pengurusan teknologi, komunikasi, kerja sosial, multimedia, pendidikan, sains pemutusan, hal ehwal antarabangsa, pengurusan perniagaan, pelancongan, pentadbiran muamalat, pengurusan pembangunan, logistik dan pengangkutan, hospitaliti, pengurusan risiko dan insurans, teknologi media, perniagaan tani, matematik perniagaan, statistik industri dan kaunseling.

UUM juga memainkan peranan sebagai pemangkin pembangunan di kawasan utara Semenanjung. Prasarana dan kemudahan asas yang disediakan serta tenaga manusia di universiti ini menjadi penggerak kepada kegiatan sosio ekonomi yang lain.

Di samping pengajaran dan penyelidikan, universiti ini juga memberi sumbangan kepada perkembangan sosial, ekonomi dan intelektual di kawasan sekitar. UUM memainkan peranan ini dengan melibatkan dirinya dalam projek kemasyarakatan, sama ada secara sendiri mahupun dengan kerjasama badan-badan kerajaan dan sektor swasta.

## Visi

Menjadi Universiti Pengurusan Terkemuka

## Misi

Kami mendidik pemimpin berperwatakan holistik untuk berbakti kepada komuniti global

## Objektif Penubuhan

- Untuk membangunkan bidang pengurusan sebagai pusat kecemerlangan.
- Untuk menjadi pusat rujukan dalam semua aspek pengurusan.
- Untuk menjadi pusat sumber yang terulung dalam bidang pengurusan.

# Falsafah Universiti

Menginsafi bahawasanya Tuhan tidak mengubah nasib sesuatu kaum melainkan kaum itu sendiri berusaha mengubahnya;

Menginsafi bahawa Malaysia diberkati dengan kekayaan kedua-dua sumber penting, iaitu sumber manusia dan sumber alam;

Menyedari bahawa kedua-dua sumber itu mesti digembleng dengan sebaik-baik cara dan seberkesan mungkin; dan bahawa kunci kepada kejayaan ialah perancangan pengurusan, pengesanan, penilaian kembali, penganutan ilmu, sains dan teknologi;

Meyakini bahawa manusia tidak dapat hidup dengan kemajuan kebendaan semata-mata, tanpa perikemanusiaan, peradaban dan keimanan, manakala sumber alam pula tidak boleh dibiarkan dieksploitasi sehingga mengancam peradaban manusia itu sendiri;

Maka,

Universiti Utara Malaysia mendedikasikan dirinya kepada matlamat melahirkan lulusan yang mempunyai kebolehan dan kepimpinan tinggi dalam perancangan dan pengurusan sumber manusia dan sumber alam secara saintifik dan kreatif demi kesejahteraan bangsa, kesentosaan negara serta kedamaian dunia seluruhnya.

Azam Universiti ialah membina kecemerlangan prestasi dalam pengajaran, penyelidikan, penerbitan dan perkhidmatan masyarakat, khususnya dalam usaha gemblengan sumber manusia dan sumber alam secara yang berkesan.

Azam Universiti adalah untuk membina sahsiah bakal lulusannya supaya seimbang antara keilmuan, kebudimanan dan segala sifat kemanusiaan dengan nilai-nilai luhur dan murni.

Ke arah itu, Universiti akan membudayakan dirinya, sekalian pelajar dan kakitangannya sejajar dengan motonya:

**ILMU BUDI BAKTI**

# Piagam Pelanggan

Dalam merealisasikan wawasan untuk menjadikan Universiti Utara Malaysia sebagai Universiti pengurusan yang terulung dan cemerlang selaras dengan Moto Universiti "Ilmu, Budi, Bakti", dengan izin Allah SWT maka kami dengan penuh tekad dan iltizam berjanji menyempurnakan hak-hak pelanggan kami seperti berikut:

**Pelajar**

Menyediakan pendidikan, kemudahan pendidikan dan sistem pengurusan yang terbaik berlandaskan piawaian-piawaian yang ditetapkan.

**Staf**

- Menyediakan calon pelajar yang berkemampuan.
- Menyediakan kemudahan terbaik bagi melicinkan proses kerja, ganjaran yang sesuai dan peluang pengembangan ilmu yang adil dan saksama ke arah pembangunan dan kemajuan kakitangan

**Negara**

- Menyediakan bakal tenaga kerja untuk memenuhi keperluan negara.
- Menyediakan perkhidmatan latihan, penyelidikan dan perundingan ke arah mempertingkatkan lagi tahap perkembangan dan kemajuan ilmu.

# Nilai-nilai Bersama

## KECEMERLANGAN

Percaya dan berusaha untuk sentiasa kreatif, inovatif, kolaboratif dan berjiwa penerokaan agar sentiasa relevan, dirujuk dan dihormati

## SALING MENGHORMATI DAN PENERIMAAN

Percaya kepada nilai ihsan, saling menghormati dan menyayangi untuk mewujudkan hubungan harmoni dalam kalangan staf, pelajar, masyarakat dan alam keseluruhannya

## KOMUNIKASI

Percaya dan berusaha ke arah komunikasi berkesan serta terbuka sesama kita dan dengan pemegang taruh

## KESYUKURAN

Percaya kepada perlunya manisfestasi kesyukuran ke atas nikmat Tuhan dengan sifat reda dan sabar

## INTEGRITI

Percaya dan mengamalkan sifat jujur, ikhlas dan telus dalam melaksanakan tanggungjawab dan penghasilan kerja

## PEMBELAJARAN BERTERUSAN

Percaya bahawa pembelajaran berterusan adalah satu keperluan hidup

## MUHASABAH DIRI

Percaya mengenai perlunya penilaian diri berterusan bagi membolehkan kita mengambil langkah-langkah untuk membetulkan kesilapan serta membaiki kelemahan kita

# CANSELOR

**KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA
AL AMINULKARIM SULTAN SALLEHUDDIN
IBNI ALMARHUM SULTAN BADLISHAH**

D.K., D.K.H., D.M.N., D.U.K., D.K. (Kelantan)., D.K. (Johor)., D.K. (Perak)., D.K. (Selangor)., D.K. (Negeri Sembilan)., D.K. (Perlis)., D.K. (Pahang)., D.M.K., S.M.D.K., S.H.M.S., S.G.M.K., S.P.M.K., S.S.D.K.

**SULTAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

# PRO-CANSELOR

**DULI YANG TERAMAT MULIA**
**TENGKU SARAFUDIN BADLISHAH IBNI AL AMINUL KARIM SULTAN SALLEHUDDIN**
D.K, D.M.K., D.S.D.K., S.S.S.

**RAJA MUDA KEDAH DARUL AMAN**

# PRO-CANSELOR

**DULI YANG AMAT MULIA**
**TUNKU SHAZUDDIN ARIFF**
**IBNI AL AMINUL KARIM SULTAN SALLEHUDDIN**
S.S.S.K., D.S.D.K., S.M.S.

**TUNKU MAHKOTA KEDAH**

# PRO-CANSELOR

**YANG MULIA**
**TENGKU TAN SRI DATO' PADUKA**
**(DR.) MAHALEEL TENGKU ARIFF**
P.S.M., P.J.N., D.P.M.K.

# PENGERUSI

## LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

YANG BERBAHAGIA
TAN SRI DATUK WIRA DR. HJ. MOHD SHUKOR HJ. MAHFAR

# NAIB CANSELOR

**YANG BERBAHAGIA**
**PROFESOR DATO' DR. MOHD FOAD SAKDAN**
*[Mulai 02 April 2023]*

CANSELORI SULTAN SALLEHUDDIN

# AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

**PENGERUSI**

**YANG BERBAHAGIA**
**TAN SRI DATUK WIRA DR. HJ. MOHD SHUKOR HJ. MAHFAR**

## AHLI

**YANG BERUSAHA**
**PROF. DR. HAIM HILMAN ABDULLAH**
NAIB CANSELOR
*[Sehingga 18 Januari 2023]*

**YANG BERBAHAGIA**
**PROF. DATO' DR. MOHD FOAD SAKDAN**
NAIB CANSELOR
*[Mulai 02 April 2023]*

**YANG BERBAHAGIA**
**DATO' PADUKA AMMAR DATO' SHAIKH MAHMOOD NAIM**
*[Wakil: Berpengetahuan & Berpengalaman]*

**YANG BERBAHAGIA**
**DATO' DR. HAJI MEGAT SANY MEGAT AHMAD SUPIAN**
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (DASAR)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
[Wakil: Kementerian Pendidikan Tinggi]

**YANG BERBAHAGIA**
**DATO' NOR ENI ISMAIL**
SETIAUSAHA BAHAGIAN PELABURAN STRATEGIK
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
[Wakil: Kementerian Kewangan]

**YANG BERUSAHA**
**PUAN NAZIRA ABDUL RAHIM**
TETUAN FAIZAH & NAZIRA
[Wakil: Masyarakat]
[Sehingga 10 Februari 2023]

**YANG BERUSAHA**
**PUAN MAIZATULAKMAM OTHMAN@IBRAHIM**
[Wakil: Masyarakat]
[Mulai 01 Mac 2023]

**YANG BERBAHAGIA**
**DATO' WAN SHAHARUDDIN WAN MAHMOOD**
NAIB PRESIDEN EKSEKUTIF SAPURA SECURED TECHNOLOGIES
[Wakil: Swasta]
[Sehingga 14 Januari 2023]

**YANG BERBAHAGIA**
**DATO' NORASLINA DATUK ZAINAL ABIDIN**
[Wakil: Swasta]
[Sehingga 10 Februari 2023]

**YANG BERUSAHA**
**ENCIK KHAIRUL AZWAN HARUN**
PENGERUSI BUKAN EKSEKUTIF MALAYSIA DEBT VENTURES BERHAD
[Wakil: Swasta]
[Sehingga 10 Februari 2023]

**YANG BERBAHAGIA**
**DATO' MOHD ZUHRI ABDULLAH**
[Wakil: Swasta]
[Mulai 01 Mac 2023]

**YANG BERUSAHA**
**DR. HARI RAM A/L RAMAYYA**
PENGARAH PERUBATAN KPJ PERLIS
[Wakil: Swasta]
[Mulai 01 Julai 2023]

**YANG BERBAHAGIA**
**DATO' SAID ALI SAID RASTAN**
[Wakil: Swasta]
[Mulai 16 Oktober 2023]

**YANG BERBAHAGIA**
**DATO' MUZAMMIL MOHAMAD**
PENGURUS WILAYAH ASEAN
QATAR AIRWAYS
[Wakil: Alumni]
[Sehingga 13 Februari 2023]

**YANG BERUSAHA**
**TUAN HAJI ZAMBRI MAT**
PENGARAH URUSAN
BINTONG EXPRESS & HOLIDAYS SDN. BHD.
[Wakil: Alumni]
[Mulai 01 Julai 2023]

**YANG BERUSAHA**
**PROF. DR. ABDUL MALEK HJ. ABDUL KARIM**
PROFESOR
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
[Wakil: Senat Universiti]
[Sehingga 18 September 2023]

**YANG BERUSAHA**
**PROF. DR. SANY SANURI MOHD MOKHTAR**
PROFESOR
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
[Wakil: Senat Universiti]
[Mulai 01 November 2023]

## SETIAUSAHA

**YANG BERUSAHA**
**PUAN YUSLIZA MOHD YUSOF**
(AHLI SILIH GANTI)
SETIAUSAHA BAHAGIAN
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
[Sehingga 04 April 2023]

**YANG BERUSAHA**
**PUAN HARLINA OTHMAN**
(AHLI SILIH GANTI)
SETIAUSAHA BAHAGIAN
BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
[Mulai 05 April 2023]

**YANG BERUSAHA**
**ENCIK AHMAD RASIDI ABDULLAH**
PENDAFTAR
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

# EX-OFFICIO

**YANG BERUSAHA**
**PROF. DR. SHAHIMI MOHTAR**
TIMBALAN NAIB CANSELOR
(AKADEMIK & ANTARABANGSA)
[Sehingga 30 November 2023]

**YANG BERUSAHA**
**PROF. DR. AHMAD MARTADHA MOHAMED**
TIMBALAN NAIB CANSELOR
(HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)

**YANG BERUSAHA**
**PROF. DR. RUSSAYANI ISMAIL**
TIMBALAN NAIB CANSELOR
(PENYELIDIKAN & INOVASI)

**YANG BERUSAHA**
**PUAN EYLANI AHMAD**
BENDAHARI
[Sehingga 28 Februari 2023]

**YANG BERUSAHA**
**ENCIK ABDUL RONI BAHAROM**
BENDAHARI
[Mulai 21 Jun 2023]

**YANG BERUSAHA**
**PROF. MADYA DR. KHADIJAH MOHAMED**
PENASIHAT UNDANG-UNDANG

# Senarai Jawatankuasa Pengurusan Universiti

## PENGERUSI

**Naib Canselor**
Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah
*[Sehingga 18 Januari 2023]*

Prof. Dr. Mohd Foad Sakdan
*[Mulai 02 April 2023]*

## AHLI

**Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)**
Prof. Dr. Shahimi Mohtar
*[Sehingga 30 November 2023]*

**Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)**
Prof. Dr. Ahmad Martadha Mohamed

**Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)**
Prof. Dr. Russayani Ismail

**Pendaftar**
Encik Ahmad Rasidi Abdullah

**Bendahari**
Puan Eylani Ahmad
*[Sehingga 28 Februari 2023]*

Encik Abdul Roni Baharom *[Mulai 21 Jun 2023]*

**Ketua Pustakawan**
Encik Salleh Hudin Mustaffa
*[Sehingga 30 April 2023]*

Prof. Dr. Azlan Taib *[Mulai 13 Julai 2023]*

**Penolong Naib Canselor UUM CAS & Pengarah Bahagian Perancangan Korporat**
Prof. Madya Dr. Mazni Omar *[Sehingga 30 April 2023]*

**Penolong Naib Canselor UUM COLGIS & Pengarah Pejabat Pengurusan Risiko UUM**
Prof. Dr. Nuarrual Hilal Md. Dahlan *[Sehingga 1 Mac 2023]*

**Penolong Naib Canselor UUM COB & Pengarah Jabatan Strategik dan Pembangunan Perniagaan** Prof. Dr. Mohd Amy Azhar Hj. Mohd Harif *[Sehingga 31 Februari 2023]*

**Provos UUM Kampus Kuala Lumpur**
Prof. Dr. Hassan Abu Bakar
Prof. Dr. Norlena Hasnan *[Mulai 01 September 2023]*

**Penolong Naib Canselor UUM CAS & Dekan Pusat Pengajian Pengkomputeran (SOC)**
Prof. Dr. Osman Ghazali *[Mulai 1 Mei 2023]*

**Penolong Naib Canselor UUM COLGIS & Dekan Pusat Pengajian Undang-Undang (SoL)**
Prof. Dr. Zainal Amin Ayub *[Mulai 1 Mei 2023 sehingga 1 Oktober 2023]*

**Penolong Naib Canselor UUM COB & Dekan Pusat Pengajian Perakaunan**
Prof. Dr. Ram Al Jaffri Saad *[Mulai 1 Mei 2023]*

**Dekan Pusat Pengajian Islam & Menjalankan Tugas Penolong Naib Canselor UUM COB**
Prof. Dr. Rosylin Mohd Yusof *[Mulai 21 Jun 2023]*

**Penasihat Undang-Undang**
Prof. Madya Dr. Khadijah Mohamed

## SETIAUSAHA

**Pengarah Jabatan Canselori**
Encik Ahmad Mujahid Abd. Ghani

En. Mohamad Fadzil Samiran *[Mulai 2 Mei 2023]*

# Senarai Ahli Senat Universiti Utara Malaysia

## PENGERUSI

**Naib Canselor**

Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah *[Sehingga 18 Januari 2023]*
Prof. Dr. Shahimi Mohtar (Menjalankan Fungsi Naib Canselor)
Prof. Dato' Dr. Mohd Foad Sakdan *[Mulai 02 April 2023]*

## AHLI

**Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)**
Prof. Dr. Shahimi Mohtar *[Sehingga 30 November 2023]*

**Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)**
Prof. Dr. Ahmad Martadha Mohamed

**Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)**
Prof. Dr. Russayani Ismail

**Penolong Naib Canselor UUM CAS & Pengarah Bahagian Perancangan Korporat**
Prof. Madya Dr. Mazni Omar *[Sehingga 30 April 2023]*

**Penolong Naib Canselor UUM COLGIS & Pengarah Pejabat Pengurusan Risiko UUM**
Prof. Dr. Nuarrual Hilal Md. Dahlan *[Sehingga 1 Mac 2023]*

**Penolong Naib Canselor UUM COB & Pengarah Jabatan Strategik dan Pembangunan Perniagaan (BSD)**
Prof. Dr. Mohd Amy Azhar Hj. Mohd Harif *[Sehingga 31 Februari 2023]*

**Provos UUM Kampus Kuala Lumpur dan Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYAGSB)**
Prof. Dr. Hassan Abu Bakar

**Penolong Naib Canselor UUM CAS & Dekan Pusat Pengajian Pengkomputeran (SOC)**
Prof. Dr. Osman Ghazali *[Mulai 02 Mei 2023]*

**Penolong Naib Canselor UUM COLGIS & Dekan Pusat Pengajian Undang-Undang (SoL)**
Prof. Dr. Zainal Amin Ayub *[Mulai 1 Mei 2023 sehingga 1 Oktober 2023]*

**Penolong Naib Canselor UUM COB & Dekan Pusat Pengajian Perakaunan**
Prof. Dr. Ram Al Jaffri Saad *[Mulai 1 Mei 2023]*

**Dekan Pusat Pengajian Islam & Menjalankan Tugas Penolong Naib Canselor UUM COB**
Prof. Dr. Rosylin Mohd Yusof *[Mulai 21 Jun 2023]*

**Provos UUM Kampus Kuala Lumpur**
Prof. Dr. Norlena Hasnan *[Mulai 01 September 2023]*

## DEKAN
### UUM COLLEGE OF ARTS AND SCIENCES (UUM CAS)

**Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences (AHSGS)**
Prof. Dr. Norhafezah Yusof

**Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS)**
Prof. Madya Dr. Mohd Kamal Mohd Nawawi

**Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP)**
Prof. Dr. Shukri Ahmad

**Pusat Pengajian Pendidikan (SOE)**
Prof. Dr. Yahya Don

**Pusat Pengajian Pengkomputeran (SOC)**
Prof. Ts. Dr. Azham Hussain *[Sehingga 30 April 2023]*

**Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC)**
Prof. Madya Dr. Norsiah Abdul Hamid
*[Sehingga 30 April 2023]*

Prof. Madya Dr. Mohd. Khairie Ahmad
*[Mulai 02 Mei 2023]*

**Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (SAPSP)**
Prof. Madya Dr. Md. Zawawi Abu Bakar

**Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan (SCIMPA)**
Dr. Ahmad Hisham Zainal Abidin

## DEKAN
### UUM COLLEGE OF BUSSINESS (UUM COB)

**Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYAGSB)**
Prof. Dr. Hassan Abu Bakar

**Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM)**
Prof. Madya Dr. Shuhymee Ahmad

**Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS)**
Prof. Dr. Rosylin Mohd Yusof

Dr. Zairy Zainol (Menjalankan Fungsi Dekan)

**Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi & Logistik (STML)**
Prof. Dr. Nor Hasni Osman

**Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA)**
Prof. Dr. Nor Aziah Abd Manaf *[Sehingga 30 April 2023]*

**Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB)**
Prof. Madya Dr. Bakti Hasan Basri

## DEKAN
### UUM COLLEGE OF LAW, GOVERNMENT AND INTERNATIONAL STUDIES (UUM COLGIS)

**Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG)**
Prof. Dr. Rusdi Omar

**Pusat Pengajian Kerajaan (SOG)**
Prof. Madya Dr. Halimah Abdul Manaf

**Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara (STHEM)**
Prof. Madya Dr. Kamal Izzuwan Ramli

**Pusat Pengajian Undang-Undang (SOL)**
Prof. Madya Dr. Yusramizza Md Isa @ Yusuff *[Sehingga 30 April 2023]*

Prof. Dr. Harlida Abdul Wahab (Menjalankan Fungsi Dekan) *[Mulai Oktober 2023]*

**Pusat Pengajian Antarabangsa (SOIS)**
Prof. Madya Dr. Nazariah Osman

## DEKAN
### HAL EHWAL PELAJAR

Dr. Kamarul Azman Khamis *[Sehingga 30 April 2023]*

Prof. Madya Dr. Massudi Bin Mahmuddin *[Mulai 02 Mei 2023]*

## DEKAN
### AKADEMIK UUM KUALA LUMPUR

Dr. Bidayatul Akmal Mustafa Kamil *[Sehingga 30 April 2023]*

Prof. Dr. Norlena Hasnan *[Mulai 02 Mei 2023]*

## PENGARAH

**Institut Pengurusan Kualiti (IPQ)**
Prof. Madya Dr. Mohd. Haniff Jedin

**Pusat Pendidikan Profesional dan Lanjutan (PACE)**
Prof. Madya Dr. Awan Ismail *[Sehingga 30 April 2023]*

Prof. Madya Dr. Herman Shah Anuar *[Mulai 02 Mei 2023]*

**Pusat Ko-Kurikulum**
Dr. Mohamad Zaki Ahmad

**Pusat Hal Ehwal dan Kerjasama Antarabangsa (CIAC)**
Prof. Madya Dr. Arpah Abu Bakar

**Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti (UTLC)**
Prof. Madya Ts. Dr. Izwan Nizal Mohd Shaharanee

**Akademi Golf Nasional**
Prof. Madya Dr. Azman Yasin *[Sehingga 30 April 2023]*

Prof. Madya Dr. Zaheruddin Bin Othman *[Mulai 02 Mei 2023]*

**Pusat Asasi Pengurusan**
Prof. Madya Dr. Mohamed Ali Haniffa *[Sehingga 30 April 2023]*

Prof. Dr. Muhammad Fuad Othman *[Mulai 02 Mei 2023]*

**Unit Pembangunan Kecemerlangan Akademik (AEDU)**
Prof. Madya Dr. Mohd Zailani Mohd. Yusoff

**Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC)**
Prof. Madya Dr. Nor Idayu Mahat *[Mulai 02 Mei 2023]*

## PROFESOR

Prof. Dr. Rosna Awang Hashim
Prof. Dr. Abdul Malek Hj Abdul Karim
Prof. Dr. Sany Sanuri Mohd. Mokhtar
Prof. Dr. Muhammad Fuad Othman
Prof. Dr. Mohd. Azizuddin Mohd Sani
Prof. Ts. Dr. Suhaidi Hassan
Prof. Dr. Noor Azniza Ishak
Prof. Dr. Roslan Abdul Hakim
Prof. Dr. Hijattulah Abdul Jabbar
Prof. Dr. Azilah Kasim
Prof. Ts. Dr. Suhaidi Hassan
Prof. Dr. Nor Azila Mohd Noor

## EX-OFFICIO

**Pengarah Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti (UTLC)**

Prof. Madya Ts. Dr. Izwan Nizal Bin Mohd Shaharanee

**Ketua Pustakawan**
Encik Salleh Hudin Mustaffa *[Sehingga 30 April 2023]*

Prof. Dr. Azlan Taib *[Mulai 13 Julai 2023]*

**Bendahari**
Puan Eylani Ahmad *[Sehingga 28 Februari 2023]*

Encik Abdul Roni Baharom *[Mulai 01 Mac 2023]*

**Pendaftar**
Encik Ahmad Rasidi Abdullah

**Penasihat Undang-Undang**
Prof. Madya Dr. Khadijah Mohamed

## SEKRETARIAT

**Pengarah Jabatan Hal Ehwal Akademik**
Puan Azian Nafiah

# Carta Organisasi
## Universiti Utara Malaysia

- UMHSB
- JAWATAKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI
  - PROVOS UUM KAMPUS KUALA LUMPUR (UUMKL)
    - PENTADBIRAN DAN KEWANGAN
    - HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI
    - HAL EHWAL AKADEMIK
    - PENYELIDIKAN DAN JARINGAN INDUSTRI
    - OTHMAN YEOP ABDULLAH GRADUATE SCHOOL OF BUSINESS
  - TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)
    - UUM COLLEGE OF ARTS AND SCIENCES (UUM CAS)
    - UUM COLLEGE OF BUSINESS (UUM COB)
    - UUM COLLEGE OF LAW, GOVERNMENT AND INTERNATIONAL STUDIES (UUM COLGIS)
    - AWANG HAD SALLEH GRADUATE SCHOOL OF ARTS & SCIENCES
    - GHAZALI SHAFIE GRADUATE SCHOOL OF GOVERNMENT
    - UNIT PENGAJIAN SISWAZAH UUM COB
    - JABATAN HAL EHWAL AKADEMIK
    - PUSAT KERJASAMA DAN HAL EHWAL ANTARABANGSA (CIAC)
    - PUSAT PENGAJARAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI (UTLC)
    - PUSAT KOKURIKULUM
    - PUSAT ASASI PENGURUSAN
    - PUSAT PENDIDIKAN PROFESIONAL DAN LANJUTAN (PACE)
    - UNIT AACSB
    - BAHAGIAN PEMASARAN
  - TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)
    - JABATAN PEMBANGUNAN & PENYENGGARAAN (JPP)
    - UUM IT
    - PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI (RIMC)
    - UUM PRESS
    - INSTITUT PEMIKIRAN TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD (IPDM)
    - PUSAT INOVASI DAN PENGKOMERSILAN (ICC)
    - INSTITUT PENGURUSAN DAN PENYELIDIKAN PERNIAGAAN (IMBRE)
    - PUSAT PENGUJIAN, PENGUKURAN DAN PENILAIAN (CETMA)
    - ASIAN RESEARCH INSTITUTE FOR CORPORATE GOVERNANCE (ARICG)
    - INSTITUT PENYELIDIKAN DAN INOVASI ZAKAT (IPIZ)
    - CREATIVE ARTS AND COMMERCIAL EVENT UNIT (CACE)
    - PUSAT KERJASAMA UNIVERSITI-INDUSTRI (CUIC)
  - TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)
    - PEJABAT DEKAN HAL EHWAL PELAJAR
      - MAJLIS PENGETUA INASIS
      - BAHAGIAN PEMBANGUNAN PELAJAR
      - PUSAT BUDAYA DAN SENI
      - PUSAT PEMBANGUNAN KERJAYA
      - PUSAT SUKAN
      - SELECT
    - PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI
    - PUSAT ALUMNI
    - INSTITUT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN DAN KOPERASI (CEDI)
    - PEJABAT PENGARAH HAL EHWAL PELAJAR
      - PENGURUSAN KORPORAT
      - PUSAT PENGINAPAN PELAJAR
      - U-ASSIST
      - PUSAT KAUNSELING
      - BAHAGIAN PERKHIDMATAN DAN SOKONGAN PELAJAR

**PETUNJUK**

- Bertanggungjawab kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- Bertanggungjawab kepada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

**Senarai Pusat Pengajian**

**UUM CAS**
Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan
Pusat Pengajian Sains Kuantitatif
Pusat Pengajian Pendidikan
Pusat Pengajian Pengkomputeran
Pusat Pengajian Teknologi, Multimedia dan Komunikasi
Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah

**UUM COB**
Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan
Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz
Pusat Pengajian Perniagaan Islam
Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik
Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan
Akademi Golf Nasional




**UUM COLGIS**
Pusat Pengajian Kerajaan
Pusat Pengajian Antarabangsa
Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara
Pusat Pengajian Undang-undang

**Inapan Siswa (INASIS)**

| | | |
|---|---|---|
| Inasis MAS | Inasis GRANTT | Inasis YAYASAN ALBUKHARY |
| Inasis TNB | Inasis PETRONAS | Inasis BANK MUAMALAT |
| Inasis PETRONAS | Inasis SIME DARBY | Inasis BANK RAKYAT |
| Inasis TRADEWINDS | Inasis MISC | Inasis SME BANK |
| Inasis TM | Inasis BSN | Inasis MAYBANK |

**Tarikh kemas kini:** 15 April 2021

# ALUAN
## NAIB CANSELOR

Salam UUM, Universiti Pengurusan Terkemuka,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia dan rahmat-Nya, kita diberi kesempatan untuk terus melangkah maju dalam memartabatkan Universiti Utara Malaysia (UUM) sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang unggul dalam bidang pengurusan.

Tahun 2023 menjadi saksi kepada pencapaian cemerlang UUM, dengan beberapa kejayaan membanggakan yang merangkumi peningkatan kebolehpasaran graduan (GE) sebanyak 95 peratus, kejayaan menduduki tangga ke-538 dalam QS World University Rankings serta penyempurnaan 43 projek komuniti berimpak tinggi. UUM juga diiktiraf sebagai universiti ke-95 terbaik dunia di bawah usia 50 tahun oleh Times Higher Education (THE) Young University Rankings 2023, sekali gus menjadi universiti awam nombor satu terbaik di Malaysia. Kejayaan ini membuktikan UUM terus teguh sebagai pemimpin dalam melahirkan modal insan berkualiti, meneroka ilmu dan menyumbang kepada masyarakat.

Walaupun menghadapi cabaran seperti penurunan jumlah pelajar antarabangsa pasca Covid-19 dan kekangan kewangan, UUM tetap komited dalam melaksanakan pelbagai inisiatif strategik, termasuk memperkukuh penjanaan pendapatan dalaman dan penjimatan kos. Peningkatan pendapatan sendiri sebanyak 24.3 peratus, jauh melebihi sasaran, adalah bukti kejayaan usaha ini.

Saya juga ingin menzahirkan penghargaan kepada seluruh warga UUM atas dedikasi dan kerja keras mereka yang tidak mengenal lelah dalam menjayakan visi dan misi universiti. Sokongan berterusan daripada kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan Tinggi, industri, serta masyarakat umum turut menjadi nadi kepada kemajuan UUM. Jutaan terima kasih kepada semua.

Marilah kita terus berganding bahu dalam memastikan UUM kekal relevan dan berdaya saing di peringkat nasional dan antarabangsa. Semoga tahun mendatang akan menyaksikan lebih banyak pencapaian bermakna untuk universiti pengurusan terkemuka ini.

**Profesor Dato' Dr. Mohd Foad Sakdan**

# LAPORAN TADBIR URUS KORPORAT DAN KAWALAN DALAMAN

# Tadbir Urus Korporat dan Kawalan Dalaman

## Perlembagaan Universiti Utara Malaysia - Bahagian III PIhak Berkuasa Universiti

15. (1) Pihak Berkuasa Universiti ialah Lembaga, Senat, Jawatankuasa Pengurusan Universiti atau dengan apa-apa jua nama ia disebut, Kolej, Pusat Pengajian, Fakulti, Pusat, Akademi, Institut, Jawatankuasa Pengajian, Jawatankuasa Pemilih, Jawatankuasa Kebajikan Pelajar dan badan-badan lain yang ditetapkan oleh Statut sebagai Pihak Berkuasa Universiti.

(2) Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini, keanggotaan, kuasa, kewajipan dan tatacara Pihak Berkuasa selain daripada Lembaga, hendaklah ditetapkan oleh Statut.

(3) Peruntukan Jadual hendaklah terpakai bagi ahli Pihak Berkuasa.

## Keahlian Lembaga Pengarah

16. (1) menyatakan keahlian lembaga pengarah hendaklah terdiri daripada

(a) Pengerusi;
(b) Naib Canselor;
(c) dua orang pegawai daripada perkhidmatan awam;
(d) seorang yang mewakili masyarakat di tempat terletaknya Universiti; dan
(e) seorang profesor Universiti yang dipilih oleh Senat daripada kalangan ahli yang disebut dalam perenggan 20(1)(d); dan
(f) lima orang yang terdiri daripada tiga orang daripada sektor swasta, seorang daripada alumni Universiti dan seorang lagi dari dalam atau luar Universiti yang, pada pendapat Menteri, mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang boleh membantu Lembaga.

(2) Timbalan Naib Canselor, Pendaftar, Bendahari dan Penasihat Undang-Undang hendaklah menjadi ahli *ex-officio* Lembaga tetapi tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat Lembaga.

(3) Tertakluk kepada kelulusan Menteri, setiap ahli yang dilantik di bawah perenggan (1)(c) boleh melantik seorang ahli silih ganti untuk menghadiri mesyuarat Lembaga jika ahli itu tidak dapat hadir atas apa-apa sebab.

(4) Apabila menghadiri mesyuarat Lembaga, seseorang ahli silih ganti hendaklah bagi segala maksud disifatkan sebagai ahli Lembaga

## Peruntukan berhubungan dengan Lembaga

17. (1) Pelantikan ahli Lembaga, kecuali Naib Canselor, hendaklah dibuat oleh Menteri suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun dan apabila habis tempoh itu ahli Lembaga adalah layak dilantik semula.

(1A) Tempoh ahli yang dilantik di bawah perenggan 16(1)(e) hendaklah bagi selama tempoh keanggotaannya dalam Senat.

(2) Pendaftar hendaklah menjadi Setiausaha Lembaga.

(3) Pengerusi dan empat ahli lain tidak termasuk ahli *ex-officio* Lembaga hendaklah membentuk kuorum bagi apa-apa mesyuarat Lembaga.

(4) Ahli Lembaga hendaklah dibayar apa-apa saraan atau elaun yang ditentukan oleh Menteri.

(5) Tertakluk kepada Perlembagaan ini, Lembaga boleh menentukan tatacaranya sendiri.

## Penjalanan sementara fungsi Pengerusi

18. (1) Menteri boleh melantik mana-mana ahli Lembaga, selain Naib Canselor untuk menjalankan fungsi Pengerusi semasa apa-apa tempoh yang Pengerusi oleh kerana apa-apa sebab tidak dapat menjalankan fungsinya atau semasa apa-apa tempoh kekosongan dalam jawatan Pengerusi.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (1), jika Pengerusi tidak dapat mempengerusikan mesyuarat Lembaga, maka ahli-ahli yang menghadiri mesyuarat itu hendaklah memilih salah seorang daripada mereka untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

(3) Seseorang ahli yang dilantik sebagai Pengerusi di bawah subseksyen (1) atau dipilih untuk mempengerusikan mesyuarat di bawah subseksyen (2) hendaklah, semasa tempoh dia menjalankan fungsi Pengerusi atau mempengerusikan mesyuarat, mengikut mana-mana yang berkenaan, disifatkan sebagai Pengerusi.

## Fungsi dan Kuasa Lembaga

19. (1) Lembaga hendaklah menjadi badan yang mengelola, membuat dasar dan mengawasi Universiti, dan boleh menjalankan segala kuasa yang diberikan kepada Universiti kecuali setakat yang kuasa itu diberikan oleh Perlembagaan atau Statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan kepada Pihak Berkuasa, badan atau kepada pegawai lain Universiti.

(2) Tiada ketetapan boleh diluluskan oleh Lembaga berhubung dengan apa-apa perkara dalam kuasa Senat, tetapi Lembaga boleh menghantar pendapatnya kepada Senat mengenai apa-apa perkara dalam kuasa Senat, bagi pertimbangan Senat.

(3) Sebagai tambahan kepada fungsi dan kuasa di bawah subseksyen (1), Lembaga hendaklah:

(a) mengadakan perancangan pengawasan yang strategik yang bercirikan pendidikan dan misi Universiti;

(b) menggalakkan pengurusan yang cekap dan berkesan dan mengadakan kajian semula yang menyeluruh mengenai operasi Universiti;

(c) membangunkan hubungan dengan masyarakat, sektor korporat dan industri;

(d) memupuk hubungan global dan keantarabangsaan berhubung dengan pengajian tinggi dan penyelidikan; dan

(e) memastikan pelaksanaan Perlembagaan, undang-undang dan dasar Universiti dan untuk memastikan bahawa tiap-tiap Pihak Berkuasa, Jawatankuasa, pegawai atau jawatankuasa sentiasa bertindak menurut kuasanya dan bidang tugasnya.

## Jawatankuasa Lembaga

19A. (1) Lembaga boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang didapatinya perlu atau suai manfaat untuk membantunya dalam melaksanakan fungsinya.

(2) Lembaga hendaklah memilih mana-mana ahlinya untuk menjadi pengerusi sesuatu jawatankuasa.

(3) Lembaga boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi ahli sesuatu jawatankuasa.

(4) Seseorang ahli sesuatu jawatankuasa hendaklah memegang jawatan bagi apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya dan layak untuk dilantik semula.

(5) Pelantikan mana-mana ahli sesuatu jawatankuasa boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Lembaga, dengan menyatakan sebab bagi pembatalan itu.

(6) Seseorang ahli sesuatu jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya dengan memberikan notis secara bertulis yang ditujukan kepada Pengerusi Lembaga.

(7) Lembaga boleh, pada bila-bila masa, memberhentikan atau mengubah keahlian sesuatu jawatankuasa.

(8) Sesuatu jawatankuasa hendaklah tertakluk kepada, dan bertindak mengikut, apa-apa arahan yang diberikan kepadanya oleh Lembaga.

(9) Mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa.

(10) Sesuatu jawatankuasa hendaklah menyebabkan:

(a) minit semua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya; dan

(b) salinan minit semua mesyuaratnya dikemukakan kepada Lembaga secepat yang dapat dilaksanakan.

(11) Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuaratnya bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

(12) Ahli sesuatu jawatankuasa atau mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (11) boleh dibayar apa-apa elaun dan belanja lain yang ditentukan oleh Lembaga.

(13)Sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen ini boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

# Penyataan Kawalan Dalaman

Penyataan Kawalan Dalaman menetapkan struktur utama sebagai landasan kerja Lembaga Pengarah untuk mendorong standard tertinggi dalam pengurusan dan pelaporan kewangan Bank serta mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Standard kecekapan operasi yang tinggi seperti ini dicapai dengan mewakilkan kuasa yang sesuai untuk jawatankuasa yang berbeza dalam Pengurusan dan secara kolektif melapor kembali kepada Lembaga Pengarah untuk memastikan risiko nyata dan tidak ketara dapat dikendalikan secara berkesan dan proaktif di seluruh organisasi.

Unit Audit Dalam, Universiti Utara Malaysia (UAD UUM) telah ditubuhkan pada 16 Julai 1987. Unit Audit Dalam bertanggungjawab terus kepada Naib Canselor secara pentadbiran dan kepada Jawatankuasa Audit secara fungsional. Peranan dan tanggungjawab Unit Audit Dalam serta Jawatankuasa Audit diperjelaskan dalam surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri Malaysia bertarikh 21 Julai 1998 bertajuk "Garis Panduan mengenai peranan dan tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif dalam Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan.

# Jawatankuasa Audit Universiti Utara Malaysia

Jawatankuasa Audit UUM (JKA UUM) bagi tahun 2023 adalah seperti berikut:

**Pengerusi**
1. YBhg. Dato' Paduka Ammar bin Dato' Shaikh Mahmood Naim (sehingga 5 Ogos 2023)
2. YBrs. En. Zamri bin Mat (bermula 6 Ogos 2023)

**Ahli Lembaga**
1. YBrs. En. Mohamad Zuhri bin Abdullah (sehingga 5 Ogos 2023)
2. YBrs. Prof. Dr. Abdul Malek bin Haji Abdul Karim (sehingga 10 Oktober 2023)
3. YBrs. Prof. Dr. Sany Sanuri bin Mohd. Mokhtar (bermula 6 November 2023)
4. YBrs. Dr. Hari Ram A/L Ramayya (bermula 6 Ogos 2023)

**Setiausaha**
1. En. Ahmad Rahimi Husin (sehingga 1 Mei 2023).
2. En. Mohtar bin Hasim (bermula 2 Mei 2023)

JKA UUM telah mengadakan mesyuarat sebanyak tiga (4) kali pada tahun 2023. Antara perkara yang dibincangkan adalah Rancangan Audit Tahunan, Laporan Audit Dalam dan Penyata Kewangan UUM. Ketua PTJ yang terlibat dengan Pengauditan Pengurusan Kewangan dan Pengurusan Prestasi akan dipanggil sekiranya perlu untuk memberikan penjelasan semasa mesyuarat mengenai tindakan pembetulan dan penambahbaikan yang telah dilaksanakan berkaitan isu Audit yang dibangkitkan. Tarikh pelaksanaan Mesyuarat yang telah dijalankan adalah seperti berikut:
1. Mesyuarat Jawatankuasa Audit UUM Ke-66 Bil.1 Tahun 2023 pada 13 April 2023.
2. Mesyuarat Jawatankuasa Audit UUM Ke-67 Bil.2 Tahun 2023 pada 10 Ogos 2023.
3. Mesyuarat Jawatankuasa Audit UUM Ke-68 Bil.3 Tahun 2023 pada 15 November 2023
4. Mesyuarat Jawatankuasa Audit UUM Ke-69 Bil. 4 Tahun 2023 pada 18 Disember 2023.

# Rancangan Audit Tahun 2023

Perancangan dan pelaksanaan pengauditan UAD UUM tahun 2023 adalah selaras dengan Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 yang menetapkan bahawa Unit Audit Dalam perlu mengemukakan jadual kerja pengauditan tahunan kepada Jawatankuasa Audit dan Naib Canselor untuk kelulusan. Rancangan Audit Tahun 2023 telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit Ke-65 Bil. 3 Tahun 2022 pada 11 November 2022 yang merangkumi tiga (3) pengauditan seperti berikut:

a) Pengauditan Pengurusan Kewangan (Jabatan/PTJ)
b) Pengauditan Prestasi Program/Aktiviti
c) Pemeriksaan Mengejut

# Pencapaian Unit Audit Dalam Tahun 2023

## 1 Pengauditan Pengurusan Kewangan

Pengauditan Pengurusan Kewangan bertujuan membantu pihak pengurusan mengenalpasti kawalan dalaman yang perlu ada dan berfungsi seperti yang ditetapkan bagi mengelak kehilangan dan pembaziran wang awam. Sebanyak 6 Pusat Tanggungjawab (PTJ) telah dipilih untuk dilaksanakan Pengauditan Kewangan pada tahun 2023 yang meliputi enam (6) aspek kawalan utama, iaitu Pengurusan Organisasi, Pengurusan Bajet, Pengurusan Terimaan, Pengurusan Perbelanjaan, Pengurusan Akaun Amanah serta Pengurusan Aset, Inventori dan Stor. Pengauditan Pengurusan Kewangan yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

a) Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP)
b) Pusat Hal Ehwal & Kerjasama Antarabangsa (CIAC)
c) Pusat Pengajian Pengkomputeran (SOC)
d) Pusat Pengajian Ekonomi Kewangan & Perbankan (SEFB)
e) Institut Pemikiran Tun Mahathir (IPDM)
f) Pusat Pengajian Kerajaan (SOG)

## 2 Pengauditan Prestasi

Kecekapan dan keberkesanan dalam penggunaan sumber bagi sesuatu program/aktiviti boleh dinilai secara komprehensif dengan melaksanakan Pengauditan Prestasi terhadap program/aktiviti tersebut disamping dapat mengenalpasti masalah yang dihadapi serta mencadangkan syor penambahbaikan yang sesuai melalui pengauditan yang dijalankan.

Sebanyak dua (2) Pengauditan Prestasi Program/Aktiviti telah dijalankan iaitu:
a) Pengauditan Pengurusan Jubah Konvokesyen di Jabatan Hal Ehwal Akademik (HEA).
b) Pengauditan Pengurusan Tender di Jabatan Bendahari.

Penemuan serta syor bagi Pengauditan Prestasi tersebut telah dikemukakan kepada PTJ terlibat untuk makluman dan tindakan penambahbaikan.

## 3 Pemeriksaan Mengejut

Pemeriksaan mengejut adalah satu pendekatan audit yang meliputi pemeriksaan yang dijalankan tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan kepada auditi. Objektif pemeriksaan mengejut adalah untuk menentukan sama ada hasil, wang awam, harta awam dan barang berharga dibawah jagaan/seliaan pegawai yang diberikan tanggungjawab diakaunkan dengan teratur, dikawal dan disimpan dengan selamat.

Pemeriksaan mengejut telah dilaksanakan bagi tahun 2023 terhadap PTJ berikut:

a) Kolej Undang-Undang, Kerajaan & Pengajian Antarabangsa (COLGIS)
b) Pusat Pengajaran & Pembelajaran Universiti (UTLC)
c) Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS)
d) Akademi Golf Nasional
e) Awang Had Salleh Graduate School (AHSGS)

## 4 Khidmat Nasihat Yang Dijalankan Oleh Unit Audit Dalam

Di samping melaksanakan Pengauditan Pengurusan Kewangan dan Pengauditan Prestasi di UUM, UAD UUM juga turut memberikan khidmat nasihat kepada staf UUM berhubung pematuhan terhadap peraturan UUM. Khidmat nasihat yang diberikan melalui ceramah, perbincangan dan panduan melaksanakan tugas dapat meningkatkan pemahaman staf berhubung peranan dan tanggungjawab mereka kearah peningkatan prestasi pengurusan kewangan UUM. Impak kepada pengauditan yang dijalankan oleh UAD UUM adalah peningkatan akauntabiliti dan tahap pematuhan oleh staf UUM kepada peraturan kewangan yang berkuat kuasa melalui program pengauditan yang berkesan.

# Laporan Pencapaian Prestasi Program, Aktiviti dan Projek

Pelan Strategik UUM 2023 memfokuskan tiga agenda utama iaitu *(1) UUM Branding, (2) Management Reference Centre,* dan *(3) Quality Alumni*. Bagi mendokong agenda ini, enam (6) Teras telah dibangunkan:

Teras 1 : Kecemerlangan Akademik
Teras 2 : Kecemerlangan Penyelidikan
Teras 3 : Kelestarian Komuniti & Penglibatan Industri
Teras 4 : Kelestarian Kewangan
Teras 5 : Kecemerlangan Perkhidmatan
Teras 6 : Graduan Holistik

Daripada enam teras strategik UUM, terdapat 20 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang menjadi tunjang utama dalam memastikan kecemerlangan UUM. Pencapaian 20 KPI Pelan Strategik UUM 2023 adalah seperti berikut:

| TERAS | NO. KPI | INDIKATOR | SASARAN | PENCAPAIAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| Teras 1: Kecemerlangan Akademik | KPI 1 | *Percentage of Postgraduate Students Enrolled* | 25% | 23.7% | 🔵 |
| | KPI 2 | *Percentage of International Students Enrolled* | 16% | 11.2% | 🟡 |
| | KPI 3 | *Percentage of Profitable Postgraduate Programmes* | 85% | 73% | 🟢 |
| | KPI 4 | *Number of MoU/MoA with International Higher Learning Institutions* | 79 | 98 | 🔵 |
| Teras 2: Kecemerlangan Penyelidikan | KPI 5 | *Income Generated from Research* | RM14 juta | RM9.6 juta | 🟡 |
| | KPI 6 | *Number of High Impact Journal Publication* | 2,000 | 769 | 🔴 |
| | KPI 7 | *Number of Products/ Services Transfer-Out* | 18 | 8 | 🟠 |
| Teras 3 : Kelestarian Komuniti & Penglibatan Industri | KPI 8 | *Amount of Funding for Community Development* | RM1.5 juta | RM2.3 juta | 🔵 |
| | KPI 9 | *Number of High Impact Programmes to Increase Community's Knowledge, Skill & Income* | 60 | 87 | 🔵 |
| | KPI 10 | *Number of Collaboration Programs with Local Authorities* | 3 | 3 | 🔵 |
| Teras 4 : Kelestarian Kewangan | KPI 11 | *Revenue from Academic Activities* | RM74.8 juta | RM79 juta | 🔵 |
| | KPI 12 | *Income from University Holdings* | RM700,000 | RM400,000 | 🟠 |
| | KPI 13 | *Revenue from Non-Academic Activities* | RM59.6 juta | RM57.5 juta | 🔵 |
| | KPI 14 | *Percentage in cost reduction* | 10% | 6.4% | 🟡 |
| Teras 5 : Kecemerlangan Perkhidmatan | KPI 15 | *Percentage of staff attended high impact programme and training* | 10% | 16% | 🔵 |
| | KPI 16 | *Number of prominent academia/ industry experts* | 17 | 28 | 🔵 |
| | KPI 17 | *Infrastructure Maintenance Satisfaction Rating* | 5 | 4.5 | 🟢 |
| Teras 6 : Graduan Holistik | KPI 18 | *Percentage of graduate employability* | 92% | 94% | 🔵 |
| | KPI 19 | *Percentage of Established Student Entrepreneurs* | 1% | 1% | 🔵 |
| | KPI 20 | *Percentage of Alumni Engagement with Alma Mater – Cash Contribution* | 2% | 1.7% | 🟢 |

Petunjuk pengukuran prestasi:

| Warna | ⚫ | 🔴 | 🟡 | 🟠 | 🟢 | 🔵 | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Peratus Pencapaian | 0 - 20.99 | 21 – 40.99 | 41 – 60.99 | 61 – 80.99 | 81 – 90.99 | Melebihi 91 | |
| Ringkasan Pencapaian Tahunan | 0 | 1 | 3 | 2 | 3 | 11 | 20 |

# Kemajuan pelaksanaan program, aktiviti dan projek

Berdasarkan 20 KPI yang dilaporkan pada tahun 2023, empat belas (14) KPI telah menunjukkan pencapaian yang sangat baik manakala enam (6) KPI berada di bawah 81%.

KPI tersebut ialah *Percentage of International Students Enrolled (KPI 2), Income Generated from Research (KPI 5), Number of High Impact Journal Publication (KPI 6), Number of Products/ Services Transfer-Out (KPI 7), Income from University Holdings (KPI 12)* dan *Percentage in cost reduction (KPI 14).*

# Pencapaian KPI 2023

UUM menilai pencapaian pelan strategik berdasarkan merit CGPA. Pada tahun 2023, CGPA yang diperoleh adalah 3.51 sekali gus memberi gambaran pencapaian keseluruhan adalah sangat baik.

Pencapaian Pelan Strategik UUM 2023 dipengaruhi oleh komitmen pelbagai pihak dengan pemantauan pencapaian dan pelan tindakan berterusan dari pihak pengurusan tertinggi.

Walau bagaimanapun terdapat cabaran mencapai KPI khususnya dalam aspek penyelidikan antaranya pengurangan dana awam yang ditawarkan. Selain itu, penyesuaian dengan trend penyelidikan terkini yang mana keperluan untuk pensyarah agar sentiasa memperbaharui dan menyesuaikan topik kajian mereka dengan trend semasa untuk meningkatkan peluang mendapat geran.

# HAL EHWAL ANTARABANGSA

Pada tahun 2023, sejumlah 77 Memorandum Persefahaman (MoU), Memorandum Perjanjian (MoA), Perjanjian Penyelidikan (Research Agreement) dan Surat Niat (LoI) telah ditandatangani antara UUM dengan pelbagai institusi dalam dan luar negara.

Bagi institusi dalam negara, UUM telah menandatangani sebanyak 21 dokumen iaitu MoU (17) MoA (2) dan LoI(2). Sebanyak 56 lagi dibuat dengan institusi luar negara yang merangkumi MoU (34), MoA (16) dan LoI (6).

Tujuan kerjasama meliputi pelbagai program seperti pertukaran pelajar, felo pelawat, program kerjasama, penyelidikan dan penganjuran seminar dan persidangan.

## HUBUNGAN LUAR TAHUN 2018 – 2023

| | 2019 | | 2020 | | 2021 | | 2022 | | 2023 | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Dalam Negara | Luar Negara | Dalam Negara | Luar Negara | Dalam Negara | Luar Negara | Dalam Negara | Luar Negara | Dalam Negara | Luar Negara |
| MoU | 10 | 32 | 2 | 18 | 23 | 16 | 19 | 28 | **17** | **34** |
| MoA | 1 | 5 | 1 | - | 3 | 5 | 4 | 1 | **2** | **16** |
| Perjanjian Penyelidikan | 1 | - | - | 2 | 12 | 1 | 1 | - | **-** | **-** |
| LoI | - | - | - | 4 | - | 1 | 2 | - | **2** | **6** |
| **Jumlah** | **12** | **37** | **3** | **24** | **38** | **23** | **26** | **29** | **21** | **56** |

MoU - Memorandum Persefahaman
MoA – Memorandum Perjanjian
LoI - *Letter of Intent*

## HUBUNGAN LUAR TAHUN 2019 - 2023



## SENARAI MOU DAN MOA DENGAN INSTITUSI DALAM NEGARA

| BIl | Agensi | Jenis Dokumen | Pusat Tanggungjawab |
|---|---|---|---|
| 1 | Securities Industry Development Corporation (SIDC) | MOU | UUM COB - SEFB |
| 2 | Universiti Tun Hussein Onn Malaysia | MOU | UUM COB - STML |
| 3 | Global Psytech Sdn. Bhd. | MOU | UUM COB - SEFB |
| 4 | Malayan Banking Berhad | MOU | CUIC (Pusat Kerjasama Universiti-Industri) |
| 5 | Tekun Nasional | MOU | UUM COB - SBM |
| 6 | Majlis Ugama Islam Negeri Sabah (MUIS) | MOU | UUM COLGIS - SOG |
| 7 | Universiti Malaysia Kelantan (UMK) | MOU | Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat |
| 8 | Kolej Profesional Baitumal Kuala Lumpur | MOU | UUM COB - IBS |
| 9 | Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation | MOU | UUM COB - STML |
| 10 | Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) | MOU | HEP (Hal Ehwal Pelajar) |
| 11 | Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia | MOU | UUM CAS - SAPSP |
| 12 | CGS-CIMB Securities Sdn. Bhd. | MOU | UUM COB - SEFB |
| 13 | Polis Diraja Malaysia (PDRM) | MOU | UUM COB - SBM |
| 14 | Yayasan Axiata | MOU | UUM COLGIS - SOIS |
| 15 | Majlis Belia Malaysia | MOU | IPDM (Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad) |
| 16 | Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM) | MOU | UUM COB - STML |
| 17 | Universiti Sains Malaysia (USM) | MOU | CUIC (Pusat Kerjasama Universiti-Industri) |
| 18 | Board Of Engineers Malaysia (BEM) | MOA | UUM COB - SBM |
| 19 | Kerajaan Malaysia (Diwakili Oleh Institut Sosial Malaysia) | MOA | UUM CAS - SAPSP |

## SENARAI SURAT NIAT (LoI) DALAM NEGARA

| BIl | Agensi | Jenis Dokumen | Pusat Tanggungjawab |
|---|---|---|---|
| 1 | Ormond Hotels Sdn. Bhd. | LOI | UUM COLGIS - STHEM |
| 2 | D&D CONTROL (M) SDN. BHD. (CLA) | LOI | UUM COB - STML |

# SENARAI MOU DAN MOA DENGAN INSTITUSI LUAR NEGARA

| BIL | Agensi | Jenis Dokumen | Pusat Tanggungjawab |
|---|---|---|---|
| 1 | Montpellier Business School | MOA | UUM COLGIS - SOIS |
| 2 | Universitas Islam Negeri Ar-Raniry | MOA | UUM CAS - SEML |
| 3 | Universitas Islam Negeri (UIN) Sunan Ampel Surabaya (UINSA) | MOA | UUM CAS - SMMTC |
| 4 | Universitas Islam Negeri (UIN) Mataram | MOA | UUM COB - IBS |
| 5 | Universitas Islam Negeri (UIN) Sunan Gunung Djati Bandung | MOA | UUM COB - IBS |
| 6 | Universitas Islam Negeri (UIN) Mataram | MOA | UUM CAS - SEML |
| 7 | Universitas Islam Negeri (UIN) Sunan Gunung Djati Bandung | MOA | UUM CAS - SEML |
| 8 | Universitas Islam Negeri (UIN) Sunan Ampel Surabaya (UINSA) | MOA | UUM CAS - SEML |
| 9 | Universitas Islam Negeri (UIN) Raden Fatah Palembang | MOA | UUM CAS - SEML |
| 10 | Montpellier Business School | MOA | CIAC (Pusat Hal Ehwal dan Kerjasama Antarabangsa) |
| 11 | Universitas Islam Negeri Ar-Raniry | MOA | UUM CAS - SMMTC |
| 12 | Universitas Islam Negeri Ar-Raniry | MOA | UUM COB - IBS |
| 13 | Universitas Islam Negeri (UIN) Mataram | MOA | UUM CAS - SMMTC |
| 14 | Universitas Islam Negeri (UIN) Sunan Gunung Djati Bandung | MOA | UUM CAS - SMMTC |
| 15 | Universitas Islam Negeri (UIN) Sunan Ampel Surabaya (UINSA) | MOA | UUM COB - IBS |
| 16 | Universitas Islam Negeri (UIN) Raden Fatah Palembang | MOA | UUM COB - IBS |
| 17 | Universitas Ahmad Dahlan | MOU | UUM COLGIS - SOL |
| 18 | Universitas Islam Riau | MOU | UUM COLGIS - SOG |
| 19 | University of Ontario Institute of Technology (Ontario Tech University) | MOU | UUM COB - SEFB |
| 20 | Sophia University | MOU | CIAC (Pusat Hal Ehwal dan Kerjasama Antarabangsa) |
| 21 | Universitas Pendidikan Indonesia (UPI) | MOU | UUM CAS - AHSGS |
| 22 | Universitas Sebelas Maret | MOU | UUM COLGIS - SOG |
| 23 | Universitas Pasundan | MOU | UUM COLGIS - SOL |
| 24 | Binus University Indonesia | MOU | UUM COB - SBM |
| 25 | Universitas Islam Negeri (UIN) Mataram | MOU | UUM CAS - SMMTC |
| 26 | Asosiasi Perguruan Tinggi Swasta Indonesia (APTISI) | MOU | CIAC (Pusat Hal Ehwal dan Kerjasama Antarabangsa) |
| 27 | Universiti Brunei Darussalam | MOU | UUM CAS - SOC |

| BIL | Agensi | Jenis Dokumen | Pusat Tanggungjawab |
|---|---|---|---|
| 28 | Suan Sunandha Rajabhat University | MOU | UUM CAS - SCIMPA |
| 29 | Japan Advance Institute of Science and Technology | MOU | UUM COB - STML |
| 30 | Jiangxi Normal University (JXNU) | MOU | UUM CAS - SLCP |
| 31 | Universitas Muhammadiyah Jakarta (UMJ) | MOU | UUM CAS - SMMTC |
| 32 | Universitas Mercu Buana | MOU | UUM CAS - SMMTC |
| 33 | Universitas Islam Negeri (UIN) Raden Fatah Palembang | MOU | UUM CAS - SEML |
| 34 | Universitas Islam Negeri (UIN) Sunan Gunung Djati Bandung | MOU | UUM CAS - SEML |
| 35 | Universitas Islam Negeri (UIN) Sunan Ampel Surabaya (UINSA) | MOU | UUM COB - IBS |
| 36 | University of Vaasa | MOU | UUM COB - TISSA |
| 37 | Universitas Slamet Riyadi | MOU | UUM COLGIS - SOG |
| 38 | Ahmadu Bello University | MOU | UUM COB - TISSA |
## 06 PROJEK MENAIK TARAF INSFRASTRUKTUR DAN SISTEM MEKANIKAL, ELEKTRIKAL, SERTA TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI (ICT) DI DEWAN KULIAH GUGUSAN (DKG 1, 2 DAN 3)

Bagi mengganti pencawang sedia ada di UUM projeknya dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya.

Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 12 Oktober 2021 dan tarikh jangka siap pada 8 April 2024. Peratus kemajuan pada 31 Disember 2023 ialah 71% berbanding jadual 71%.

Gambar Kemajuan Menaiktaraf Insfrastruktur Dan Sistem Mekanikal, Elektrikal, Serta Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT) di Dewan Kuliah Gugusan (DKG 1, 2 dan 3)

07

## PROJEK KERJA-KERJA MENAIK TARAF PERMUKAAN JALAN DI DALAM KAMPUS UUM

Dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya.

Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 17 Februari 2020 dan tarikh siap pembinaan pada 31 Januari 2021

Gambar Projek Kerja-Kerja Menaiktaraf Permukaan Jalan di dalam Kampus UUM

08

## MENAIK TARAF INSFRASTRUKTUR DAN INFOSTRUKTUR TEKNOLOGI MAKLUMAT (IT) DI UUM

Projek Menaiktaraf Insfrastruktur dan Infostruktur Teknologi Maklumat (IT) Di UUM dilaksanakan oleh UUM. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 01 Ogos 2019 (1st sub projek) dan tarikh siap pembinaan pada 31 Disember 2020.

Sub Projek 1 - Menaiktaraf Perkakasan Rangkaian Kampus UUM



Sub Projek 2 - Menaiktaraf Server Sistem Maklumat Utama Universiti

Sub Projek 3 - Menaiktaraf Suis Utama Rangkaian Pusat Data



Sub Projek 4 - Menaiktaraf Peralatan WiFi UUM

Sub Projek 5 - Menaiktaraf Sistem Pemantauan dan Keselamatan Infrastruktur IT




Sub Projek 6 – Pembangunan Sistem Pengurusan Klinik

09

## PROJEK PENGGANTIAN DAN PEROLEHAN PERALATAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Dilaksanakan oleh UUM.

Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 27 September 2020 dan tarikh siap pembinaan pada 20 November 2021.

Gambar Penggantian dan Perolehan Peralatan Pengajaran dan Pembelajaran

## LAPORAN PROJEK PEMBANGUNAN KHAS

# Projek Cadangan Membina dan Menyiapkan Kelab Golf UUM

Pandangan Perspektif Kelab Golf UUM

Projek Cadangan Membina dan Menyiapkan Kelab Golf UUM dilaksanakan oleh UUM. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 19 Mei 2021 dan tarikh jangka siap pembinaan pada 7 Mei 2024. Peratus kemajuan semasa pada 31 Disember 2023 ialah 69% berbanding jadual 69%.

Gambar Projek Membina dan Menyiapkan Kelab Golf UUM

# Laporan Projek Pembangunan Rancangan Malaysia Keduabelas (RMKe-12) RP1 hingga RP4 (2021-2025)

Tiga belas (13) projek di bawah RMKe-12 adalah seperti berikut:-

| BIL | NAMA PROJEK | KOS KONTRAK (RM) |
|---|---|---|
| | ***ROLLING PLAN* KEDUA TAHUN 2022 (RP2, 2022)** | |
| 1 | UUM – Menaik Taraf Ruang Kecemasan, Stor Perubatan dan Stor Peralatan Sanitasi Di Pusat Kesihatan Universiti | 1,700,000 |
| 2 | UUM – Menaik Taraf Infrastruktur dan Penggantian Kemudahan Usang Di Kampus Utama | 15,000,000 |
| | A) UUM – Pembaikan dan penggantian Kemudahan Usang Di Kampus Utama – Penggantian Ring Main Unit (RMU) Di Pencawang-pencawang Elektrik **RM3,622,500.00** | |
| | B) UUM – Pembaikan dan penggantian Kemudahan Usang Di Kampus Utama – Penggantian Tangki Air Fibre Reinforced Plastics (FRP) dan Perpaipan Dalaman **RM1,928,578.00** | |
| | C) UUM – Pembaikan dan penggantian Kemudahan Usang Di Kampus Utama – Dewan Mu'adzam Shah **RM4,559,160.00** | |
| | D) UUM – Pembaikan dan penggantian Kemudahan Usang Di Kampus Utama – Kemudahan Infrastruktur Pusat Sukan **RM4,290,000.00** | |
| 3 | UUM – Menaik Taraf Tandas Usang Di Bangunan Inapan Siswa Univesiti Utara Malaysia | 2,200,000 |
| 4 | UUM – Penggantian Sistem Water Cooled Package (Fasa 1) | 5,594,388 |
| 5 | UUM – Menaik Taraf Infrastruktur dan Kemudahan ICT untuk Kampus UUM, Sintok, Kedah | 17,000,000 |
| 6 | UUM – Menaik Taraf Infrastruktur dan Kemudahan ICT untuk Kampus UUM, Kuala Lumpur | 1,230,000 |
| | ***ROLLING PLAN* KETIGA TAHUN 2023 (RP3, 2023)** | |
| 1 | UUM - Menaik Taraf Infrastruktur, Penggantian Dan Perolehan Peralatan Di Kampus Induk Sintok, Kedah, Universiti Utara Malaysia | 6,300,000 |
| 2 | UUM - Menaik Taraf Tandas Usang Di Bangunan Akademik Dan Pentadbiran Di Kampus Induk Sintok, Kedah, Universiti Utara Malaysia | 5,500,000 |

| *ROLLING PLAN* KEEMPAT TAHUN 2024 (RP4, 2024) | | Kos DE (RM) |
|---|---|---|
| 1 | UUM - Menaiktaraf Kemudahan Di Zon Penginapan Pelajar Di Universiti Utara Malaysia, Kampus Sintok, Kedah | 17,000,000 |
| 2 | UUM - Menaiktaraf Kemudahan ICT Untuk Menyokong Pengajaran Dan Pembelajaran (PDP) Dan Kemudahan Di Penginapan Pelajar Di Universiti Utara Malaysia, Kampus Sintok, Kedah | 24,700,000 |
| 3 | UUM - Kajian Bagi Mengurangkan Risiko Banjir Dan Kerosakan Terhadap Infrastruktur Di Universiti Utara Malaysia, Kampus Sintok, Kedah | 1,000,000 |
| 4 | UUM - Penggantian Dan Perolehan Sistem Pencegah Dan Penggera Kebakaran Yang Usang Di Universiti Utara Malaysia, Kampus Sintok, Kedah | 6,800,000 |
| 5 | UUM - Menaiktaraf Kabel Voltan Tinggi (High Tension) Sistem Ring 1 Yang Usang Di Universiti Utara Malaysia, Kampus Sintok, Kedah | 12,000,000 |

**Nota:** Dalam proses penyediaan Dokumen Tender untuk tujuan perolehan

## *ROLLING PLAN* KEDUA TAHUN 2022 (RP2, 2022)

01

### PROJEK MENAIK TARAF RUANG KECEMASAN, STOR PERUBATAN DAN STOR PERALATAN SANITASI DI PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI

Dilaksanakan oleh UUM. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 29 November 2022 dan tarikh jangka siap baru selepas Lanjutan Masa No.1 ialah pada 11 April 2024. Peratus kemajuan semasa pada 31 Disember 2023 ialah 83% berbanding jadual 84%.

Gambar Kemajuan Menaik Taraf Ruang Kecemasan, Stor Perubatan dan Stor Peralatan Sanitasi Di Pusat Kesihatan Universiti

## 02 UUM – MENAIK TARAF INFRASTRUKTUR DAN PENGGANTIAN KEMUDAHAN USANG DI KAMPUS UTAMA MERANGKUMI :-

**A) Projek Pembaikan dan penggantian Kemudahan Usang Di Kampus Utama – Penggantian Ring Main Unit (RMU) Di Pencawang-pencawang Elektrik**

Dilaksanakan oleh UUM. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 29 November 2022 dan tarikh jangka siap baru selepas Lanjutan Masa No.1 ialah pada 5 Mac 2024. Peratus kemajuan semasa pada 31 Disember 2023 ialah 95% berbanding jadual 95%.

**B) Projek Pembaikan Dan Penggantian Kemudahan Usang Di Kampus Utama -Penggantian Tangki Air Fibre- Reinforced Plastic (FRP) Dan Perpaipan Dalaman**

Dilaksanakan oleh UUM. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 15 Februari 2023 dan tarikh jangka siap pada 3 Julai 2024. Peratus kemajuan semasa pada 31 Disember 2023 ialah 75% berbanding jadual 70%.

**C) Projek Pembaikan dan penggantian Kemudahan Usang Di Kampus Utama – Dewan Mu'adzam Shah**

Dilaksanakan oleh UUM. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 29 November 2022 dan tarikh jangka siap baru selepas Lanjutan Masa No.1 ialah pada 24 Julai 2024. Peratus kemajuan semasa pada 31 Disember 2023 ialah 45% berbanding jadual 45%.



**D) Projek Pembaikan Dan Penggantian Kemudahan Usang Di Kampus Utama - Kemudahan Infrastruktur Pusat Sukan**

Dilaksanakan oleh UUM. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 16 November 2022 dan tarikh jangka siap pada 15 April 2024. Peratus kemajuan semasa pada 31 Disember 2023 ialah 80% berbanding jadual 80%.

## 03 PROJEK MENAIK TARAF TANDAS USANG DI BANGUNAN INAPAN SISWA UNIVESITI UTARA MALAYSIA

Dilaksanakan oleh UUM. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 29 November 2022 dan tarikh jangka siap baru selepas Lanjutan Masa No.1 ialah pada 26 Jun 2024. Peratus kemajuan semasa pada 31 Disember 2023 ialah 68% berbanding jadual 68%.

Gambar Kemajuan Menaik Taraf Tandas Usang Di Bangunan Inapan Siswa Univesiti Utara Malaysia

## 04 PROJEK PENGGANTIAN SISTEM WATER COOLED PACKAGE (FASA 1)

Dilaksanakan oleh UUM. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 29 November 2022 dan tarikh siap pada 10 Julai 2023. Peratus kemajuan semasa pada 31 Disember 2023 ialah 100% siap.

Gambar Kemajuan Penggantian Sistem Water Cooled Package (Fasa 1)

## 05 PROJEK MENAIK TARAF INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN ICT UNTUK KAMPUS UUM, SINTOK, KEDAH

Dilaksanakan oleh UUM. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 31 Mei 2023 dan tarikh siap pada 31 Julai 2023. Peratus kemajuan semasa pada 31 Disember 2023 ialah 99% berbanding jadual 99%.

## 06 PROJEK MENAIK TARAF INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN ICT UNTUK KAMPUS UUM, KUALA LUMPUR

Dilaksanakan oleh UUM. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 31 Mei 2023 dan tarikh siap pada 10 Julai 2023. Peratus kemajuan semasa pada 31 Disember 2023 ialah 100% berbanding jadual 100%.

# *ROLLING PLAN* KETIGA TAHUN 2023 (RP3, 2023)

## 01 PROJEK MENAIK TARAF INFRASTRUKTUR, PENGGANTIAN DAN PEROLEHAN PERALATAN DI KAMPUS INDUK SINTOK, KEDAH, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Dilaksanakan oleh UUM. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 6 November 2023 dan tarikh siap pada 5 November 2025. Peratus kemajuan semasa pada 31 Disember 2023 ialah 8% berbanding jadual 8%.

Gambar Kemajuan Menaik Taraf Infrastruktur, Penggantian Dan Perolehan Peralatan Di Kampus Induk Sintok, Kedah, Universiti Utara Malaysia

## 02 PROJEK MENAIK TARAF TANDAS USANG DI BANGUNAN AKADEMIK, DAN PENTADBIRAN DI KAMPUS INDUK SINTOK, KEDAH, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Dilaksanakan oleh UUM. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 6 November 2023 dan tarikh siap pada 3 November 2025. Peratus kemajuan semasa pada 31 Disember 2023 ialah 7% berbanding jadual 7%.

Gambar Kemajuan Menaik Taraf Infrastruktur, Penggantian Dan Perolehan Peralatan Di Kampus Induk Sintok, Kedah, Universiti Utara Malaysia

# PEMERKASAAN MAHASISWA DAN KEUSAHAWANAN

# ANUGERAH DAN PENCAPAIAN

## Pelajar SOC Harumkan Nama UUM Muncul Juara 'Dell Hack2hire'

Sekumpulan pelajar dari Pusat Pengajian Pengkomputeran (SOC) telah memenangi hadiah utama selepas muncul juara dalam pertandingan 'DELL Hack2Hire' yang telah berlangsung pada 15 hingga 16 Mac 2023. Kumpulan tersebut dikenali sebagai 'Code Crush' itu terdiri daripada empat pelajar Semester 5, program Sarjana Muda Sains (Teknologi Maklumat) iaitu Sangeetha Sandran, Deborah Nazarena, Anushiya Irrulappen dan Shyvonne Ho Yue Lynn. Mereka telah memenangi hadiah utama iaitu tawaran pekerjaan dari Dell Technologies, latihan industri di Dell Technologies, program pembangunan IT selama dua tahun enam bulan yang akan ditaja sepenuhnya oleh pihak Dell serta Program Rotasi. Pertandingan tersebut memberi cabaran kepada pelajar untuk mempamerkan kemahiran dalam pembangunan sistem.

## Pelajar Undang-Undang UUM Juara Debat JCI Peringkat Asia Pasifik

Pasukan debat JCI Malaysia yang disertai pelajar Sarjana Muda Undang-undang, Deevagaran Naidu Baskaran telah mengharumkan nama Universiti Utara Malaysia (UUM) atas kemenangan bergelar johan Pertandingan JCI Asia Pacific Conference Debate Competition Peringkat Asia Pasifik anjuran Junior Chamber International (JCI). Junior Chambers International merupakan badan bukan kerajaan (NGO) antarabangsa untuk golongan muda yang menganjurkan pertandingan tersebut bermula 10 hingga 13 Mei 2023. Kejayaan ini sekali gus melonjakkan nama UUM di persada antarabangsa.

## UUM Naib Johan Pertandingan NCCC 2023

Pasukan Advokasi dan Mut Universiti Utara Malaysia (UUM) telah dinobatkan sebagai naib johan dalam pertandingan Harun M. Hashim National Client Consultation Competition (NCCC 2023) Peringkat Kebangsaan anjuran Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Pertandingan ini diadakan saban tahun bagi memilih universiti yang mempunyai program Sarjana Muda Undang-Undang mewakili Malaysia dalam pertandingan peringkat antarabangsa.

## Emina rangkul anugerah '*Most Diplomatic Minister*'

Emina Kulasic Bong Ei Min rangkul anugerah 'Most Diplomatic Minister (ASEAN Political Science Council)' dalam ASEAN Foundation Model ASEAN Meeting di Siem Reap, Kemboja. Pelajar Sarjana Muda Pengurusan Hal Ehwal Antarabangsa yang juga Setiausaha Agung Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), UUM itu menjadi antara enam pelajar yang mewakili Malaysia dalam persidangan tiga hari yang dihadiri 70 pelajar dari semua negara ASEAN dan China.

## UUM Johan Debat Koperasi, Bawa Pulang RM8,000

UUM dinobatkan Johan dalam Pertandingan Akhir Debat Koperasi peringkat IPT 2023 Piala Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, sekali gus membawa pulang RM8,000, piala pusingan dan sijil. Pertandingan debat anjuran Institut Koperasi Malaysia (IKMA) dengan kerjasama Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM) telah berlangsung di IKMA bermula 27 Oktober 2023 hingga 29 Oktober 2023.

Pasukan debat universiti terdiri daripada saudara Abdul Hakim Abd. Hamid, saudara Faris Daniel Zainorizal, saudara Muhammad Tirmizi Rabidin dan saudara Mohammad Noor Aiman Hassan Nudin.

## Cha Lin Naib Johan Bahasa Mandarin

Nud Cha Lin A/P Verak, pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM), telah meraih Naib Johan dalam Pertandingan The 22nd *Chinese-Bridge Chinese Language Proficiency Competition for Malaysian Universities Students* yang diadakan di Institut Kong Zi, Universiti Malaya. Dalam pertandingan yang melibatkan kuiz, syarahan, dan bakat, Nud Cha Lin berpeluang menunjukkan kemahiran bahasa Mandarin serta memperluas pengetahuan tentang budaya China. Acara ini bukan sahaja memberi ruang untuk memperbaiki kemampuan bahasa, tetapi juga untuk berinteraksi dengan peserta dari pelbagai latar belakang universiti.

## YDP MPP UUM Wakili Delegasi Belia Malaysia di IVCO 2023

YDP MPP UUM, Muhammad Izuan Faiz Abdul Rahman telah mewakili Delegasi Belia Malaysia sempena International Volunteer Cooperation Organisations Conferences (IVCO 2023). IVCO 2023 diadakan bagi perkongsian dan pembentangan idea mengenai polisi semasa di seluruh dunia yang disertai 178 peserta dari 51 negara termasuklah The United Nations Volunteers dan Peace Corps.

# PROGRAM PEMERKASAAN PELAJAR
# KEUSAHAWANAN

## Dua Kumpulan Daripada UUM Memperoleh Kemenangan Di Pertandingan Akhir Program National Micro Enterprise Pitching Competition (NMEPC) 2023

Dua kumpulan dari Universiti Utara Malaysia (UUM) berjaya meraih kejayaan dalam Pertandingan Akhir Program National Micro Enterprise Pitching Competition (NMEPC) 2023 yang diadakan di Bayou Lagoon Resort, Melaka. Kumpulan pertama yang mengungguli tempat kedua dalam kategori perkhidmatan, terdiri daripada Eisya Shuhaina Ezatie Bt Mohd Shukri, Nurul Shafiqah Binti Jamel, dan Natasha Binti Zahit, turut memenangi anugerah Perkhidmatan Terbaik dan membawa pulang RM3,000. Manakala, kumpulan kedua yang terdiri daripada Lam Ci Kin, Adelene Neng Sze Ching, dan Lee Hao Cheng pula meraih tempat kedua dalam kategori makanan dan minuman serta membawa pulang RM2,000. Kedua-dua kumpulan ini diselia oleh Dr. Norria Zakaria, Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan UUM.

## KOPI *QUOFFE UUM 'CHAMPION OF BEST OVERALL PERFORMANCE' UNIEC* 2022-2023

Kumpulan Gryphon dari Universiti Utara Malaysia (UUM) berjaya meraih gelaran 'Champion of Best Overall Performance' di University Entrepreneurship Challenge 2022-2023 (UNIEC 2022-2023) selepas memenangi tiga anugerah utama, termasuk kategori Persembahan Perancangan Perniagaan, Pertandingan Runcit Luar Talian, dan menjadi finalis untuk Anugerah E-Pameran Digital. Kumpulan yang diketuai oleh Lam Ci Kin ini memperkenalkan produk minuman kopi 'QUOFFE' dan melalui enam pusingan pertandingan sejak April 2022. Mereka berjaya mengatasi 20 institusi pengajian tinggi di Malaysia dalam pertandingan yang bertujuan mengembangkan kemahiran keusahawanan pelajar. Kejayaan ini juga disokong oleh bimbingan mentor akademik dan sokongan aktif dari Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI).

## Minggu Latihan Kebangsaan Bangunkan Kemahiran Pelajar dan Pekerja

Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM) menjadi rakan strategik dalam penganjuran Minggu Latihan Kebangsaan (NTW), yang bertujuan membangunkan kemahiran pelajar dan pekerja. Turut di adakan aktiviti perniagaan pelajar yang melibatkan 12 kios makanan dan minuman. Kerjasama dengan Jawatankuasa Pembangunan Keusahawanan Pelajar SBM dan Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI) membantu membimbing pelajar dalam mengendalikan perniagaan mereka. Program ini disertai oleh lebih 170 peserta dan selaras dengan konsep Malaysia Madani untuk membentuk masyarakat yang berdaya cipta dan sejahtera.

## UUM mampu lahirkan pelajar bergelar usahawan berjaya

Universiti Utara Malaysia (UUM) memberi sokongan penuh kepada usahawan muda lebih-lebih lagi pelajar UUM dalam mengembangkan sektor perniagaan persendirian yang mampu mencorak masa depan pelajar.

Pada 16 Disember 2024 telah berlangsung Majlis Anugerah Usahawan Pelajar dan Usahawan Belia (SYEBA) 2023 di EDC UUM. SYEBA merupakan satu pertemuan intelektual antara usahawan muda untuk berkongsi pengetahuan dan maklumat berkenaan keusahawanan.

Dalam majlis tersebut, Danish Aiman Ahmad Rizal memenangi Anugerah Keusahawanan UUM Kategori Lelaki dengan projek “Eyeday”, manakala Nik Anis Aishah Nik Mohd Azmi memenangi kategori wanita dengan produk “MYS London Gallery”. Selain itu, anugerah lain seperti Jualan Tertinggi, Projek Keusahawanan Sosial Terbaik, dan Usahawan Harapan turut diberikan.

# PROGRAM PEMERKASAAN PELAJAR
# SUKAN

## Charlayne Juarai Best *Amateur In The Ladies Championship*

Pemain golf Akademi Golf Nasional Universiti Utara Malaysia (UUMNGA), Charlayne Chong Shin Ling, muncul juara bagi kategori Best Amateur In The Ladies Championship di Toyota PGM Tour Tun Ahmad Sarji Trophy Championship 2023 yang berlangsung di Saujana Golf & Country Club, Selangor. Charlayne menampilkan aksi terbaik dan bertenaga dengan mengumpul keseluruhan 303 pukulan.

## Saingan Sengit Tidak Halang Siti Shazwana Raih Pingat Perak

Siti Shazwana Ajak, pelajar Doktor Falsafah (Pengurusan Awam) dari Universiti Utara Malaysia (UUM) yang mewakili negara ke Sukan SEA 2023 Kemboja telah menyumbang pingat perak dalam acara pencak silat pada 10 Mei 2023. Kejayaan ini telah mengharumkan nama Malaysia dan secara tidak langsung nama UUM juga.

## MASTHAI Kukuh Jalinan Kerjasama Dua Negara Serantau

Sukan Tahunan Universiti Malaysia-Thailand (MASTHAI) Ke-13 yang berlangsung di Universiti Utara Malaysia (UUM) dari 3 hingga 7 September lalu memperkukuhkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Thailand. Acara lima hari ini menyaksikan penyertaan 184 pelajar dari kedua-dua negara dalam lima jenis sukan: futsal, bola tampar, petanque, badminton, dan golf.

Penganjuran ini bukan sahaja mengeratkan persahabatan antara peserta tetapi juga menjadi platform untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan. Pasukan Malaysia berjaya mengungguli acara futsal dan badminton.

## INASIS Sme Bank Juara Keseluruhan KASUMA 2023

Inapan Siswa (INASIS) SME Bank muncul juara keseluruhan Karnival Sukan Mahasiswa (KASUMA) 2023 yang telah berlangsung sejak 7 November lalu dengan kutipan sebanyak 17 pingat.

SME Bank berjaya mengumpul sebanyak lapan pingat emas, empat perak dan lima gangsa yang melayakkan INASIS tersebut membawa pulang Piala Pusingan dan wang tunai RM1,000.

## Pelajar AGNUUM Juara Kejohanan Golf BDB Masters 2023

Pelajar dari Akademi Golf Nasional Universiti Utara Malaysia (AGNUUM), Irfan Syahmi Norshaharudin muncul juara Kejohanan BDB Masters 2023 di Darulaman Golf And Country Club pada 15 Oktober 2024.

Irfan Syahmi, 24, merekodkan 223 pukulan keseluruhan untuk membawa pulang hadiah utama bernilai RM2,500 berserta trofi dan piala pusingan sekali gus bergelar juara keseluruhan.

## UUM Raih Dua Emas Di MASUM 2023

Kontinjen Universiti Utara Malaysia (UUM) berjaya meraih dua pingat emas, dua pingat perak dan lima pingat gangsa pada Karnival Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2023.

Karnival yang diadakan mengikut Fasa I dan II itu bermula pada 15 hingga 20 Ogos dan 23 hingga 30 Ogos 2023 di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Pingat emas diraih menerusi acara taekwondo dan petanque, seterusnya pingat perak pula menerusi acara taekwondo dan karatedo manakala pingat gangsa menerusi acara petanque dan karatedo.

# PROGRAM PEMERKASAAN PELAJAR
# PROGRAM KESUKARELAWAN

## Jentera Sukarelawan UUM Digerakkan Ke Johor

Pada 7 hingga 10 Mac 2023, seramai 60 sukarelawan Universiti Utara Malaysia (UUM) digerakkan ke Johor bagi membantu mangsa banjir yang disifatkan antara terburuk pernah dihadapi negeri itu. Sukarelawan ini terdiri daripada 10 staf dan 50 pelajar turun padang untuk melakukan kerja-kerja pembersihan di kawasan terjejas banjir di Daerah Segamat, Tangkak, Batu Pahat, Caah, Kluang, Muar, Labis, Skudai dan Paloh. Program ini turut mendapat kerjasama Majlis Sukarelawan Universiti-Universiti Malaysia (MASKUM) Kementerian Pengajian Tinggi dan Persatuan Kelab-kelab Belia Malaysia (MAYC).

## 'Mini Carnival The Grateful Hands' Santuni Mahasiswa OKU UUM

Pelajar Kursus Perhubungan Awam dari Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC) telah berkolaborasi dengan Pusat Latihan Berdikari (ILC) Pertubuhan Mahasiswa Istimewa (PERMAI) UUM telah menganjurkan program 'Mini Carnival The Grateful Hands'.

Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang hak dan keperluan Orang Kurang Upaya (OKU), memberi peluang sama rata kepada mereka, serta mendedahkan masyarakat kepada kepelbagaian.

# PENCAPAIAN UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

# Pencapaian UUM

**12 JANUARI 2023**
Tan Sri Dato' Paduka Dr. Fng Ah Seng telah dilantik semula sebagai Profesor Adjung di Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA-UUM) mulai 20 Oktober 2022 hingga 19 Oktober 2023.

**17 JANUARI 2023**
Mohamad Khairi Mohamad @ Alwi, Pengerusi Program Pengurusan Pelancongan, Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara (STHEM) menerima pengiktirafan 'Best Adventure Tourism Personality' di majlis 'Malaysia Tourism Industry Award 2022' yang berlangsung di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur.

**17 JANUARI 2023**
Yayasan Bank Rakyat (YBR) telah menyumbangan bantuan awal pengajian sebanyak RM100,000 kepada 100 pelajar B40 UUM bagi tahun 2023.

**19 JANUARI 2023**
UUM melalui UUM Corporate Communication (UCC) mendahului dalam menyediakan platform media digital untuk mempromosi dan menyediakan akses kepada maklumat universiti dan awam. UUM Today merupakan portal berita atas talian pertama UUM yang berfungsi untuk menyebar luas maklumat dan berita-berita terkini dalam dan luar kampus merangkumi pelbagai mod penyampaian termasuk web tv dan web radio.

**15 FEBRUARI 2023**

Lima pensyarah UUM menyertai latihan antarabangsa bagi membincangkan pembangunan kurikulum pascasiswazah baharu undang-undang dan polisi perubahan iklim di Marwadi University, Rajkot, Gujarat, India.

**15 FEBRUARI 2023**
Yayasan Sime Darby (YSD) menyediakan peruntukan sebanyak RM60,000 kepada 300 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ayer Hitam sempena Program 'Back To School (B2S) Yayasan Sime Darby Gives Back: School Edition'. Program itu turut mendapat kerjasama UUM, kerajaan negeri Kedah dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Kedah.

**16 FEBRUARI 2023**
'TVET automotive case-based workplace simulation' (AutoCBOS) telah merangkul pingat emas pada International Intellectual Property, Invention, Innovation and Technology Exposition (IPITEx 2023), di Thailand.

**6 MAC 2023**
Dekan Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA-UUM), Prof. Dr. Nor Aziah Abd Manaf telah dilantik sebagai Pengerusi Majlis Dekan Perakaunan dan Ketua Jabatan Perakaunan Universiti Awam selama dua tahun berkuat kuasa 9 Februari 2023 hingga 8 Februari 2025.

**12 MAC 2023**
UUM telah menandatangani perjanjian memorandum perjanjian (MoA) bersama Montpellier Business School (MBS), Perancis di Balai Tamu.

**15 MAC 2023**
UUM mencatat sejarah membanggakan apabila buku terbitan UUM Press berjudul 'Water For All' berjaya dilancarkan sempena sambutan Hari Air Sedunia pada 11 Mac 2023. Pelancaran buku tersebut disempurnakan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim di Stadium Indera Mulia, Perak.

**16 MAC 2023**

Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin menyaksikan sumbangan RM15 juta oleh FWD Takaful Berhad kepada Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS), UUM di Intercontinental Hotel Kuala Lumpur.

**20 MAC 2023**

UUM buat julung kalinya mencatat kejayaan membanggakan apabila berjaya membolot empat anugerah pada Majlis Anugerah Tokoh Siswa (ATS) 2022. Empat anugerah tersebut ialah Anugerah Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar, Anugerah Kepimpinan Kolej Kediaman, Anugerah Majlis Perwakilan Pelajar Terbaik dan Anugerah Khas Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi.

**21 MAC 2023**

Sekumpulan pelajar dari Pusat Pengajian Pengkomputeran (SOC) telah memenangi hadiah utama selepas muncul juara dalam pertandingan 'DELL Hack2Hire' yang telah berlangsung pada 15 hingga 16 Mac 2023.

**21 MAC 2023**

UUM menerusi Pusat Islam dan Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan Hospiltaliti dan Acara (STHEM) telah mencatat nama dalam Malaysia Book of Records (MBR) – Pendakian Gunung/ Bukit Serentak Terbanyak dalam program 'Forest Hiking Day' sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa.

**27 MAC 2023**

Pemain golf Akademi Golf Nasional Universiti Utara Malaysia (UUMNGA), Charlayne Chong Shin Ling, muncul juara bagi kategori Best Amateur In The Ladies Championship di Toyota PGM Tour Tun Ahmad Sarji Trophy Championship 2023 yang berlangsung di Saujana Golf & Country Club, Selangor. Charlayne menampilkan aksi terbaik dan bertenaga dengan mengumpul keseluruhan 303 pukulan.

**4 APRIL 2023**

Buat julung kali, subjek Komunikasi dan Pengajian Media (Communication and Media Studies) UUM berjaya tersenarai dalam QS World University Rankings (QSWUR) by Subject 2023. Dalam pengumuman pada 22 Mac 2023, subjek di bawah Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC) itu tersenarai di kedudukan 201-250, sekali gus meletakkan universiti ini sebaris dengan universiti terbaik dunia seperti Universitas Indonesia dan University of Canterbury yang memperolehi rating 5 dalam QS Stars.

**8 MEI 2023**

Telah berlangsung Majlis Penyerahan Projek Pembinaan Bangunan Pusat Kegiatan Ko-Kurikulum UUM yang berlangsung di lobi Bangunan Pusat Kegiatan Ko-Kurikulum, UUM. Projek ini menelan kos kira-kira RM8.6 juta dengan tempoh pembinaan bermula daripada 1 Ogos 2019 sehingga 10 Februari 2021 namun disebabkan negara mengalami wabak Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan tempoh projek terpaksa dilanjutkan sehingga tarikh siap semasa pada 14 Mac 2023.

**14 MEI 2023**

Siti Shazwana Ajak, pelajar Doktor Falsafah (Pengurusan Awam) dari UUM yang mewakili negara ke Sukan SEA 2023 Kemboja telah menyumbang pingat perak dalam acara pencak silat pada 10 Mei 2023. Kejayaan ini telah mengharumkan nama Malaysia dan secara tidak langsung nama UUM juga.

**14 MEI 2023**

Pasukan debat JCI Malaysia yang disertai pelajar Sarjana Muda Undang-undang, Deevagaran Naidu Baskaran telah mengharumkan nama UUM atas kemenangan bergelar johan Pertandingan JCI Asia Pacific Conference Debate Competition Peringkat Asia Pasifik anjuran Junior Chamber International (JCI).

**15 MEI 2023**
Pasukan Advokasi dan Mut UUM telah dinobatkan sebagai naib johan dalam pertandingan Harun M. Hashim National Client Consultation Competition (NCCC 2023) Peringkat Kebangsaan anjuran Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

**17 MEI 2023**
Golden Globe Tigers Awards mengiktiraf kecemerlangan dan komitmen Prof. Ts Dr. Norazah Mohd Suki sebagai Profesor Terbaik Pemasaran dan Keusahawanan.

**29 MEI 2023**
Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UUM dan lima Universitas Islam Negeri di Hotel Grand Mercure Jakarta Harmoni. UUM menjadi universiti pertama Malaysia menjalinkan kerjasama akademik dengan lima Universitas Islam Negeri (UIN) di Indonesia. Lima UIN terlibat ialah UIN Ar-Raniry Banda Aceh, UIN Mataram, UIN Sunan Gunung Djati Bandung, UIN Sunan Ampel Surabaya dan UIN Raden Fatah Palembang.

**2 JUN 2023**

UUM cemerlang, tangga ke 401-600 untuk 'Sustainable Development Goals (SDG) 2023'.

**8 JUN 2023**
Sepuluh pelajar UUM terima biasiswa RM280,000 daripada Y.Bhg. Datuk Seri Yusuf Taiyoob.

**8 JUN 2023**
Puan Zaiton Yahya, Pengarah Pembangunan Negeri Kedah sumbang RM10,000 untuk Program Sumbangan Didikan Kasih.

**12 JUN 2023**
UUM tandatangani Mou dengan Maybank.

**21 JUN 2023**
UUM terima serahan wang RM2.3 juta daripada UMHSB.

**23 JUN 2023**

UUM di kedudukan ke-99 universiti terbaik Asia dalam senarai Times Higher Education (THE) Asia University Rankings 2023.

**27 JUN 2023**

Prof. Dr. Rosylin Mohd Yusof disenaraikan dalam kategori 'Most Influential Women in Islamic Business & Finance 2022, diiktiraf 'Women in Academia For The Year 2022' oleh Cambridge IFA.

**28 JUN 2023**
Emina Kulasic Bong Ei Min rangkul anugerah 'Most Diplomatic Minister (ASEAN Political Science Council)' dalam ASEAN Foundation Model ASEAN Meeting di Siem Reap, Kemboja.

**3 JULAI 2023**




UUM diiktiraf universiti ke-95 terbaik dunia di bawah usia 50 tahun oleh Times Higher Education (THE) Young University Rankings 2023, sekali gus menjadi universiti awam nombor satu terbaik di Malaysia

**8 JULAI 2023**
Bank Islam serah cek cura RM350,000 untuk penamaan Inasis Bank Islam, RM50,000 untuk sumbangan zakat Pendidikan.

**17 JULAI 2023**
UUM tandatangani LOI bersama Majelis Diktilitbang PP Muhammadiyah, Indonesia, lebih 5,000 pelajar Muhammadiyah Indonesia dan UMAM, Perlis dipersiap lanjut pengajian PhD di Malaysia.

**19 JULAI 2023**
MoA berkaitan sektor pendidikan tinggi antara Malaysia dan Indonesia, sekitar 100 pelajar Indonesia ditaja lebih RM5 juta sambung pengajian sarjana di UUM.

**23 JULAI 2023**
Sejumlah 6,918 graduan tahun 2022 terima ijazah pada Majlis Konvokesyen Ke-35 UUM yang berlangsung selama lima hari di Dewan Mu'adzam Shah, UUM mulai 23-27 Julai 2023.

**3 OGOS 2023**
IPIZ UUM tandatangani MoA bersama UiTM, UniSHAMS dan LZNK.

**3 OGOS 2023**

UUM terima Anugerah Penghargaan daripada Waste Management Association Malaysia (WMAM).

**10 OGOS 2023**
Payment Network Malaysia Sdn. Bhd. (PayNet) setuju lulus peruntukan RM300,000 kepada UUM bagi melaksanakan Projek Kampus Tanpa Tunai (KTT) dan menaiktaraf Inkubator Pelajar Keusahawanan.

**17 OGOS 2023**
MoU antara UUM dan MUIS telah berlangsung sempena Persidangan Antarabangsa Pertubuhan Awam (ICONPO XII), anjuran SOG UUM bersama MUIS.

**27 OGOS 2023**
UUM tandatangani LOI dengan MSN.

**30 OGOS 2023**
MoU PTPTN dengan UUM buka ruang dan peluang kedua-dua organisasi bantu pelajar UUM bergraduat dengan personaliti lebih holistik.

**1 SEPTEMBER 2023**
Alumni Pendidikan UUM ambil inisiatif jadikan Pulau Suri sebagai pulau angkat.

**9 SEPTEMBER 2023**
Sejumlah 1,488 PALAPES daripada 20 Universiti Awam terima watikah tauliah sebagai Leftenan Muda dalam Rejimen Askar Wataniah (RAW).

**11 SEPTEMBER 2023**
Lembaga Tabung Haji merestui penubuhan Institut Kajian dan Inovasi Haji yang dicadangkan IBS UUM, dengan kerjasama UKM dan USIM.

**14 SEPTEMBER 2023**
Sejumlah RM677,456.70 bayaran zakat staf dikembalikan oleh LZNK untuk diagihkan kepada asnaf UUM yang layak, termasuk para pelajar.

**19 SEPTEMBER 2023**

KPT beri penarafan Berdaya Saing kepada UUM dalam penilaian SETARA 2022.

**19 SEPTEMBER 2023**
Kontinjen UUM raih dua pingat emas, dua pingat perak dan lima pingat gangsa pada Karnival Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2023.

**20 SEPTEMBER 2023**
Yayasan Axiata setuju taja tempat kepada tiga pelajar B40 yang cemerlang untuk program dwi-ijazah, Bachelor of International Business Management (UUM) dan Bachelor of International Business Administration Montpelllier Business School, Perancis pada 2024 selama setahun bagi pelajar semester lima dan enam.

**20 SEPTEMBER 2023**

UUM berjaya capai kebolehpasaran graduan (GE) 2022 94.4 %, tangga ke-13 dalam kalangan universiti Malaysia. UUM successfully achieved a graduate employability (GE) rate of 94.4 % in 2022, positioning itself in the 13th position amongst universities in Malaysia.

**27 SEPTEMBER 2023**

UUM berjaya kekal kedudukan dalam ranked 401 hingga 500 di dalam T.H.E World University Ranking 2024.

**3 OKTOBER 2023**
Pelajar cemerlang SPM, handikap golf negatif dua, pilih UUM bagi lanjutkan pengajian PPKSUUM di AGNUUM.

**6 OKTOBER 2023**
UUM terima peruntukan dana penyelidikan daripada KDEBWM, bantu tingkatkan kecekapan operasi pengurusan sisa dan inisiatif kitar semula di Selangor.

**7 OKTOBER 2023**
Prof. Ts. Dr. Norazah Mohd Suki kekal tersenarai dalam 'World's Top 2% Scientists', dalam bidang pemasaran dan e-dagang di peringkat dunia, selama lima tahun berturut-turut.

**10 OKTOBER 2023**
UUM terima kemasukan 3, 879 pelajar baharu semester pertama 2023/2024 termasuk 106 pelajar antarabangsa.

**14 OKTOBER 2023**
Sejumlah 15 pelajar Program Asasi Pengurusan UUM terima tajaan Pendidikan PESP.

**15 OKTOBER 2023**

Pelajar AGNUUM juara Kejohanan BDB Masters 2023, bawa pulang hadiah utama RM2,500, trofi dan piala pusingan.

**16 OKTOBER 2023**
KEMENAG pilih UUM sebagai salah sebuah universiti di bawah tajaan mereka, membolehkan pelajar Indonesia UUM ditaja sepenuhnya daripada kerajaan Indonesia melalui KEMENAG.

**17 OKTOBER 2023**
Tan Sri Dr. Fng Ah Seng, Profesor Adjung TISSA sumbang RM20,000, RM10,000 dan RM20,000 masing-masing kepada Majlis Profesor UUM, Kelab Kebajikan Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA) dan TISSA-UUM.

**17 OKTOBER 2023**
Kumpulan Gryphon dari UUM bergelar 'Champion of Best Overall Performance' setelah berjaya merangkul tiga anugerah di University Entrepreneurship Challenge 2022-2023, melalui produk minuman kopi jenama 'QUOFFE'.

**25 OKTOBER 2023**




Program MBA UUM diiktiraf program terbaik dalam kalangan universiti di Malaysia, di kedudukan ke-28 universiti terbaik di Asia, menurut QS Global MBA Rankings 2024.

**27 Oktober 2023**

UUM dinobatkan Johan dalam Pertandingan Akhir Debat Koperasi peringkat IPT 2023 Piala Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, sekali gus membawa pulang RM8,000, piala pusingan dan sijil.

**27 Oktober 2023**
UUM menjadi Johan dalam larian 'Youth On The Move Virtual Run Leaderboard University League' sempena 'The GenM Global Summit Finale 2023'.

**2 November 2023**
UUM menandatangani MoU dengan Universitas Negeri Padang (UNP), Indonesia serta berbincang untuk bekerjasama untuk penawaran program ijazah berkembar di Pusat Pengurusan Perniagaan.

**2 November 2023**
Wan Nur Anis Nadhiah Wan Ab Wahab memenangi tempat kedua kategori Penulisan Puisi Peringkat Universiti Awam dalam Sayembara Penulisan dan Deklamasi Puisi Alam Sekitar 2023, menerusi puisi bertajuk 'Alam Ciptaan Maha Esa'. Turut merakamkan kejayaan, Ain Sophiah Salleh yang mara ke peringkat aterakhir kategori Deklamasi Puisi peringkat Universiti Awam.

**3 November 2023**
Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UUM anjurkan 'Arum Sei Deepavali' bersama masyarakat India di Kuil Arulmigu Sri Murugan, Jitra, Kedah dan menyediakan bakul makan serta sumbangan berjumlah RM2,000 kepada pelajar Inida B40 UUM dan RM500 kepada Kuil Arulmigu Sri Murugan.

**6 November 2023**

UUM telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah eUsahawan Institusi IPT Terbaik (Best IHL Institution) pada Malam Anugerah MDX 2023 anjuran Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC).

**7 November 2023**
UUM terima peruntukan RM500,000 daripada Lembaga Tabung Haji (TH) bgai program IQRA'TH IPTA.

**9 November 2023**
UUM memeterai MoU dengan Jabatan Mufti Negeri Kedah, sebagai perintis ke arah kerjasama strategik kedua-dua institusi dalam memartabatkan perkembangan ilmu sejagat serta mendukung Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dan strategi korporat bagi Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

**13 November 2023**

UUM telah meningkat ke kedudukan ke-101 dalam QS Asia University Ranking 2024, peningkatan ketara daripada kedudukan ke-108 pada tahun sebelumnya.

**16 November 2023**
UUM sertai 'Malaysia SDG Summit 2023 Peringkat Wilayah Utara' yang diadakan di Universiti Teknologi Petronas (UTP).

**19 November 2023**
Seramai 5,738 graduan tahun 2023 telah menerima ijazah masing-masing pada Majlis Konvokesyen Ke-36 UUM yang berlangsung mulai 19-23 November 2023 di Dewan Mu'adzam Shah, UUM. Pesta Konvokesyen (PESKON) UUM Ke-36 turut diadakan dengan tema #mengejarimpian.

**19 November 2023**

Kavines Nair A/L Ananthan dilantik sebagai CSA's Country Representative for Malaysia, Commonwealth student's Association.

**27 November 2023**
Finexus Sdn Bhd akan menubuhkan inkubator teknologi dan komunikasi maklumat (ICT) di UUM, bagi melati pelajar UUM membiasakan diri dalam teknologi terkini yang digunakan di dunia perniagaan dan perbankan.

**27 November 2023**
UUM memeterai MoU dengan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan (FPTT) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UteM).

**29 November 2023**
UUM melalui Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP) bertukar Surat Hasrat (LoI) dengan Heihe University, China serta mengukuhkan hubungan melalui program mobiliti.

**5 Disember 2023**
Majlis Mini Konvokesyen Sijil Eksekutif Intervensi Parol (SEIP) 2023 menyaksikan 35 pegawai Jabatan Penjara Malaysia (JPM) menerima sijil tersebut. Program SEIP adalah program yang dirancang khusus melalui kerjasama Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (SAPSP) dengan JPM, khususnya melalui Jabatan Parol dan Perkhidmatan Komuniti.

**5 Disember 2023**

UUM melalui Pusat Pengajian Pengkomputeran (SOC), menandatangani MoU dengan SEELOZ (M) Sdn Bhd, peneraju utama Automasi Rantaian Bekalan dalam teknologi Kecerdasan Buatan (AI), bagi melahirkan pakar dalam teknologi ini.

**5 Disember 2023**
Kolaborasi melalui pemeteraian MoU antara UUM dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) mampu mewujudkan impak yang positif dalam perkembangan akademik, penyelidikan dan perkongsian kepakaran.

# LAPORAN PENYATA KEWANGAN UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

# LAPORAN PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

Berikut merupakan analisis Penyata Kedudukan Kewangan Universiti Utara Malaysia bagi tahun 2023 berbanding tahun 2022:

| | 2023 (RM) | 2022 (RM) | Perbezaan (RM) |
|---|---|---|---|
| Aset Bukan Semasa | 685,513,747 | 688,554,841 | (3,041,094) |
| Aset Semasa | 343,101,506 | 320,217,837 | 22,883,669 |
| **Jumlah Aset** | **1,028,615,253** | **1,008,772,678** | **19,842,575** |
| Liabiliti Semasa | (53,997,931) | (55,541,842) | (1,543,911) |
| Liabiliti Bukan Semasa | (129,584,518) | (128,521,365) | 1,063,153 |
| **Jumlah Liabiliti** | **(183,582,449)** | **(184,063,207)** | **(480,758)** |
| **Jumlah Aset Bersih** | **845,032,804** | **824,709,471** | **20,323,333** |
| Ekuiti: | | | |
| **Lebihan Terkumpul** | **845,032,804** | **824,709,471** | **20,323,333** |

## Prestasi Pendapatan dan Perbelanjaan

### 1 PENDAPATAN

**2023** RM 515,545,020

**2022** RM 497,590,767

Pendapatan UUM meningkat sebanyak RM17.9 juta atau 3.6% berbanding tahun sebelumnya

### 2 PERBELANJAAN

**2023** RM 495,221,687

**2022** RM 469,353,397

Perbelanjaan UUM meningkat sebanyak RM25.9 juta atau 5.5% berbanding tahun sebelumnya

### 3 LEBIHAN BERSIH

RM 515,545,020

RM 495,221,687

Walaupun perbelanjaan meningkat, UUM masih berjaya mencatatkan lebihan bersih sebanyak RM20.3 juta pada tahun 2023

# Ringkasan Sorotan Kewangan UUM 2023

Tinjauan mendalam terhadap penyata kewangan UUM bagi tahun 2023, dengan fokus pada perubahan signifikan dalam aset bersih, aset semasa, aset bukan semasa, liabiliti semasa dan liabiliti bukan semasa.

## Peningkatan Aset Bersih

**Kumpulan UUM**

Peningkatan **RM22.3 juta**

**2023** RM 862,362,394

**2022** RM 840,100,367

**Peringkat UUM**

Peningkatan **RM20.3 juta**

**2023** RM 845,032,804

**2022** RM 824,709,471

## Aset Semasa Meningkat

Peningkatan **RM22.9 juta**

**2023** RM 343,101,506

**2022** RM 320,217,837

1. **Simpanan Tetap** — Peningkatan **RM9.3 juta**
2. **Wang Tunai** — Peningkatan **RM8.2 juta**
3. **Akaun Belum Terima** — Peningkatan **RM5.3 juta**

## Pengurangan Aset Bukan Semasa

Pengurangan **RM3.04 juta**

**2023** RM 685,513,747

**2022** RM 688,554,841

**Penghutang Jangka Panjang**

Penurunan
**RM6.5 juta**

**Pelaburan Anak Syarikat**

Penurunan
**RM6.9 juta**

**Hartanah, Loji dan Peralatan**

Penurunan
**RM10.5 juta**

## Penurunan Liabiliti Semasa

Pengurangan **RM1.5 juta**

**2023** RM 53,997,931

**2022** RM 55,541,842

**Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar**

Penurunan **RM2.2 juta**

**Lain-Lain Belum Bayar**

Peningkatan **RM0.4 juta**

**Manfaat Pekerja**

Peningkatan **RM0.3 juta**

## Peningkatan Liabiliti Bukan Semasa

Peningkatan **RM1.06 juta**

**2023** RM 129,584,518

**2022** RM 128,521,365

**Geran Tertunda Penyelidikan** — Penurunan **RM1.7 juta**

**Geran Tertunda Pembangunan** — Peningkatan **RM0.2 juta**

**Manfaat Pekerja Jangka Panjang** — Peningkatan **RM2.5 juta**

## Peningkatan dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai

UUM telah mengalami peningkatan yang ketara dalam amaun tunai dan kesetaraan tunai pada tahun 2023 berbanding tahun 2022, dengan jumlah keseluruhan meningkat sebanyak RM17.6 juta.

### Faktor Utama Peningkatan:

- **Peningkatan Geran Pembangunan**
  Peningkatan sebanyak RM33.1 juta dalam pemberian geran pembangunan untuk projek RMK.

- **Peningkatan pada Pembinaan dalam Kemajuan**
  Peningkatan sebanyak RM 20.9 juta bagi projek-projek dalam pembinaan di Universiti Utara Malaysia (UUM) pada tahun 2023.

## Pembinaan Bangunan dan Infrastruktur Baru

1. **Bangunan Tambahan Pusat Komputer**
   Tambahan
   **RM2.2 juta**
2. **Menaiktaraf Infrastruktur dan Sistem**
   Tambahan
   **RM8.3 juta**
3. **Menaiktaraf Kampus Utama**
   Tambahan
   **RM7.6 juta**
   untuk menaiktaraf infrastruktur dan kemudahan usang
4. **Menaiktaraf Tandas Inapan Siswa**
   Tambahan
   **RM1.2 juta**
5. **Penggantian Sistem Sistem Water Cooled Package**
   Tambahan
   **RM4.7 juta**
6. **Menaiktaraf Infrastruktur ICT**
   Tambahan
   **RM10.2 juta**

## Projek-projek Terbaru yang Telah Siap

**Pusat Kegiatan Ko-Kurikulum**

Projek bernilai **RM8.9 juta** yang telah siap dibina.

**Menaiktaraf Kampus KL**

Projek bernilai **RM1.2 juta** untuk menaiktaraf infrastruktur dan kemudahan ICT di kampus UUM Kuala Lumpur.

## Peningkatan pada Hasil

**RM 17,954,253**

**2023** RM 515,545,020

**2022** RM 497,590,767

**1 Pemberian Geran Mengurus**
Peningkatan sebanyak **RM3,652,600** dalam pemberian geran mengurus

**2 Sewaan**
Peningkatan sebanyak **RM757,024** dalam sewaan

**3 Pelunasan Geran Pembangunan**
Peningkatan sebanyak **RM25,043,255** dalam pelunasan geran pembangunan

**4 Pelbagai Hasil**
Penurunan sebanyak **RM17,293,960** dalam pelbagai hasil

**5 Pelunasan Geran Penyelidikan**
Penurunan sebanyak **RM1,607,579** dalam pelunasan geran penyelidikan

Nota:
Denda pecah kontrak: RM10.9 juta
Pelbagai terimaan lain: RM 6.8 juta

## Peningkatan pada Perbelanjaan

**RM 25,868,290**

**2023** RM 495,221,687

**2022** RM 469,353,397

**1 Perhubungan dan Utiliti**
Peningkatan sebanyak **RM13,325,336** dalam perhubungan dan utiliti

**2 Penyenggaraan dan Pembaikan Kecil**
Peningkatan sebanyak **RM17,369,253** dalam penyenggaraan dan pembaikan kecil

**3 Perkhidmatan Iktisas dan Hospitaliti**
Penurunan sebanyak **RM3,133,656** dalam perkhidmatan iktisas dan hospitaliti

**4 Perbelanjaan Aktiviti Pelajar**
Peningkatan sebanyak **RM1,179,479** dalam perbelanjaan aktiviti pelajar

**5 Penyelidikan**
Peningkatan sebanyak **RM1,747,209** dalam penyelidikan

**6 Emolumen**
Peningkatan sebanyak **RM2,124,205** dalam emolumen

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

### Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [*Akta 62*] untuk mengaudit Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai Disatukan serta Penyata Perbandingan Antara Amaun Bajet dan Amaun Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 38.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] dan Perlembagaan Universiti Utara Malaysia.

### Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

*Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Saya adalah bebas daripada Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah, Universiti Utara Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] dan Perlembagaan Universiti Utara Malaysia. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan,

merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan;

c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;

d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Utara Malaysia atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Universiti Utara Malaysia atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;

e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan

f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

**Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] dan Perlembagaan Universiti Utara Malaysia, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 14 dalam penyata kewangan.

**Hal-hal Lain**

Universiti Utara Malaysia perlu memastikan perekodan hasil dan belanja antara Kumpulan Wang dibuat selaras dengan piawaian MPSAS agar persembahan penyata kewangan adalah tepat.

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Universiti Utara Malaysia berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] dan Perlembagaan Universiti Utara Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

**(DATUK ~~WAN SURAYA~~ BINTI WAN MOHD RADZI)**
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
29 OKTOBER 2024

*Universiti Utara Malaysia*

**PENYATA AHLI LEMBAGA PENGARAH**

Kami, **TAN SRI DATUK WIRA DR. HJ. MOHD SHUKOR BIN HJ. MAHFAR** DAN **DATO' SAID ALI BIN SAID RASTAN,** yang merupakan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI UTARA MALAYSIA dengan ini menyatakan, pada pendapat pengarah-pengarah mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan kami bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai Disatukan, Penyata Perbandingan Antara Amaun Bajet dan Amaun Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan UNIVERSITI UTARA MALAYSIA dan KUMPULAN pada 31 Disember 2023 dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengarah

**TAN SRI DATUK WIRA DR. HJ. MOHD SHUKOR HJ. MAHFAR**
Pengerusi

**DATO' SAID ALI BIN SAID RASTAN**
Ahli Lembaga Pengarah

Sintok, Kedah

Bertarikh : 19/5/2024

*Universiti Utara Malaysia*

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN**

Saya, **ABDUL RONI BIN BAHAROM (K/P No: 650827-02-5375)**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan UNIVERSITI UTARA MALAYSIA dan KUMPULAN dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai Disatukan, Penyata Perbandingan Antara Amaun Bajet dan Amaun Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenar dan sesungguhnya diakui oleh

**ABDUL RONI BIN BAHAROM**

di ALOR SETAR KEDAH

pada 15 MAY 2024

di hadapan saya

PESURUHJAYA SUMPAH
K 180
NORIANI BINTI MOHD IDRIS
1.2.2022 - 31.12.2024
MALAYSIA
NO 961, TINGKAT BAWAH BANGUNAN
PERUDA BARU, JALAN SULTAN BADLISHAH,
05000 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN.

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2023**

| | NOTA | KUMPULAN 2023 RM | KUMPULAN 2022 RM (Dinyatakan semula) | UUM 2023 RM | UUM 2022 RM (Dinyatakan semula) |
|---|---|---|---|---|---|
| **ASET** | | | | | |
| **Aset Semasa** | | | | | |
| Simpanan Tetap Institusi Kewangan Berlesen | 5 | 301,530,114 | 292,670,048 | 297,854,418 | 288,518,019 |
| Wang Tunai dan Baki di Bank | 6 | 29,792,501 | 22,090,844 | 20,769,887 | 12,539,994 |
| Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima | 7 | 9,661,863 | 8,456,728 | 9,661,863 | 8,456,728 |
| Urus Niaga Pertukaran Belum Terima | 8 | 19,803,897 | 20,591,170 | 14,815,338 | 10,703,096 |
| Inventori | 9 | 139,893 | 205,001 | - | - |
| **Jumlah Aset Semasa** | | **360,928,268** | **344,013,791** | **343,101,506** | **320,217,837** |
| **Aset Bukan Semasa** | | | | | |
| Pelaburan Jangka Panjang | 10 | 500,000 | 500,000 | 500,000 | 500,000 |
| Penghutang Jangka Panjang | 11 | 32,073,570 | 38,558,716 | 32,073,570 | 38,558,716 |
| Muhibah atas Penyatuan | 12 | 89,175 | 130,372 | - | - |
| Aset Biologi | 13 | 78,351 | - | - | - |
| Pelaburan dalam Anak Syarikat | 14 | - | - | 10,390,730 | 17,261,186 |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 15 | 658,325,814 | 669,483,678 | 599,554,447 | 610,097,294 |
| Hartanah Pelaburan | 16 | 11,884,463 | 11,895,231 | 707,423 | 718,191 |
| Pembinaan Dalam Kemajuan | 17 | 42,651,097 | 21,419,454 | 42,287,577 | 21,419,454 |
| **Jumlah Aset Bukan Semasa** | | **745,602,470** | **741,987,451** | **685,513,747** | **688,554,841** |
| **LIABILITI** | | | | | |
| **Liabiliti Semasa** | | | | | |
| Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar | 18 | 45,576,751 | 48,675,649 | 41,540,308 | 43,720,351 |
| Lain-Lain Belum Bayar | 19 | 7,972,416 | 7,625,273 | 7,868,336 | 7,508,033 |
| Manfaat Pekerja | 20 | 4,589,287 | 4,313,458 | 4,589,287 | 4,313,458 |
| Overdraf Bank | 21 | 724,157 | 966,127 | - | - |
| **Jumlah Liabiliti Semasa** | | **58,862,611** | **61,580,507** | **53,997,931** | **55,541,842** |
| **Liabiliti Bukan Semasa** | | | | | |
| Geran Tertunda Penyelidikan | 22 | 13,642,240 | 15,309,409 | 13,642,240 | 15,309,409 |
| Geran Tertunda Pembangunan | 23 | 54,528,388 | 54,318,473 | 54,528,388 | 54,318,473 |
| Cukai Tertunda | 24 | 871,005 | 745,191 | - | - |
| Liabiliti Pajakan Kewangan | 25 | 170,394 | - | - | - |
| Tabung Pinjaman Perumahan | 26 | 13,700,000 | 13,700,000 | 13,700,000 | 13,700,000 |
| Manfaat Pekerja Jangka Panjang | 20 | 47,713,890 | 45,193,483 | 47,713,890 | 45,193,483 |
| Pinjaman Jangka Panjang | 21 | 54,679,816 | 55,053,812 | - | - |
| **Jumlah Liabiliti Bukan Semasa** | | **185,305,733** | **184,320,368** | **129,584,518** | **128,521,365** |
| **Jumlah Liabiliti** | | **244,168,344** | **245,900,875** | **183,582,449** | **184,063,207** |
| **ASET BERSIH** | | **862,362,394** | **840,100,367** | **845,032,804** | **824,709,471** |
| **ASET BERSIH/EKUITI** | | | | | |
| **LEBIHAN/(KURANGAN) TERKUMPUL DARI:** | | | | | |
| Kumpulan Wang Mengurus | | (52,370,422) | (59,099,070) | (52,370,422) | (59,099,070) |
| Kumpulan Wang Pendapatan | | 118,678,410 | 111,708,577 | 103,730,686 | 103,631,309 |
| Kumpulan Wang Projek | | 147,947,237 | 145,748,603 | 147,947,237 | 145,748,603 |
| Kumpulan Wang Penyelidikan | | 23,277,884 | 23,263,185 | 23,277,884 | 23,263,185 |
| Kumpulan Wang Pembangunan | | 601,107,194 | 589,985,690 | 601,107,194 | 589,985,690 |
| Kumpulan Wang Amanah | | 8,694,152 | 8,533,795 | 8,694,152 | 8,533,795 |
| Kumpulan Wang Pinjaman | | 12,646,073 | 12,645,959 | 12,646,073 | 12,645,959 |
| Anak Syarikat | | 2,381,866 | 7,313,628 | - | - |
| **JUMLAH ASET BERSIH/EKUITI** | | **862,362,394** | **840,100,367** | **845,032,804** | **824,709,471** |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada asas penyata ini.

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

| | NOTA | KUMPULAN 2023 RM | KUMPULAN 2022 RM (Dinyatakan semula) | UUM 2023 RM | UUM 2022 RM (Dinyatakan semula) |
|---|---|---|---|---|---|
| **Hasil** | | | | | |
| Urus Niaga Bukan Pertukaran | 27 | 447,187,519 | 439,307,028 | 448,363,865 | 440,331,254 |
| Urus Niaga Pertukaran | 28 | 85,512,254 | 80,846,074 | 67,181,156 | 57,259,513 |
| **Jumlah Hasil** | | **532,699,773** | **520,153,102** | **515,545,021** | **497,590,767** |
| **Perbelanjaan** | | | | | |
| Emolumen | 29 | 277,251,261 | 273,184,666 | 261,046,309 | 258,922,104 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 30 | 161,646,878 | 133,284,770 | 163,003,503 | 132,452,474 |
| Pemberian dan Kenaan Tetap | 31 | 21,379,082 | 26,433,179 | 20,426,789 | 25,135,816 |
| Perbelanjaan Lain | | | | | |
| Bayaran Audit | | 66,000 | 129,598 | - | 46,598 |
| Belanja Hutang Ragu | | 5,301,732 | 14,816,984 | 2,898,770 | 14,816,984 |
| Pelupusan Aset Tetap | | 1,073 | 449 | 1,073 | 449 |
| Belanja Pelunasan | 12 | 41,197 | 41,197 | - | - |
| Hapuskira Hutang | | 2,868,813 | 50,000 | 2,686,067 | - |
| Rosot nilai Pelaburan | 14 | - | - | 6,870,456 | (1,894,864) |
| Lain-lain Bayaran | | 14,208,745 | 11,658,118 | 12,924,526 | 10,889,340 |
| | | 22,487,560 | 26,696,346 | 25,380,892 | 23,858,507 |
| Susut Nilai | 32 | 26,641,831 | 30,379,867 | 25,364,195 | 28,984,496 |
| **Jumlah Perbelanjaan** | | **509,406,612** | **489,978,828** | **495,221,688** | **469,353,397** |
| **Lebihan/(Kurangan)** | | **23,293,161** | **30,174,274** | **20,323,333** | **28,237,370** |
| Peruntukan Cukai | 33 | (1,031,320) | (1,274,365) | - | - |
| **Lebihan/(Kurangan) Selepas Cukai** | | **22,261,841** | **28,899,909** | **20,323,333** | **28,237,370** |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada asas penyata ini.

**PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

| KUMPULAN | NOTA | KUMPULAN WANG MENGURUS | KUMPULAN WANG PENDAPATAN | KUMPULAN WANG PROJEK | KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN | KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN | KUMPULAN WANG AMANAH | KUMPULAN WANG PINJAMAN | ANAK SYARIKAT | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| **Baki Pada 1 Januari 2022** | | **(67,803,349)** | **116,947,265** | **-** | **-** | **614,202,784** | **135,966,645** | **12,647,637** | **4,756,225** | **816,717,207** |
| Pelarasan Tahun Lalu | | 794,345 | - | - | - | (6,367,998) | - | - | - | (5,573,653) |
| Pengelasan Baki Kepada Kumpulan Wang Baru | | - | - | 121,034,616 | 20,659,245 | (8,807,793) | (132,886,068) | - | - | - |
| Lebihan/(Kurangan) | | 7,879,960 | (5,238,688) | 24,711,459 | 2,603,940 | (9,041,303) | 5,453,218 | (1,678) | 1,942,309 | 28,309,217 |
| **Seperti yang dinyatakan sebelum ini** | | **(59,129,044)** | **111,708,577** | **145,746,075** | **23,263,185** | **589,985,690** | **8,533,795** | **12,645,959** | **6,698,534** | **839,452,771** |
| Pelarasan Tahun Lalu | 34 | 29,974 | - | 2,528 | - | - | - | - | 615,094 | 647,596 |
| **Baki dinyatakan semula pada 31 Disember 2022** | | **(59,099,070)** | **111,708,577** | **145,748,603** | **23,263,185** | **589,985,690** | **8,533,795** | **12,645,959** | **7,313,628** | **840,100,367** |
| Lebihan/(Kurangan) | | 6,728,648 | 6,969,833 | 2,198,634 | 14,699 | 11,121,504 | 160,357 | 114 | (4,931,762) | 22,262,027 |
| **Baki Pada 31 Disember 2023** | | **(52,370,422)** | **118,678,410** | **147,947,237** | **23,277,884** | **601,107,194** | **8,694,152** | **12,646,073** | **2,381,866** | **862,362,394** |

| UUM | NOTA | KUMPULAN WANG MENGURUS | KUMPULAN WANG PENDAPATAN | KUMPULAN WANG PROJEK | KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN | KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN | KUMPULAN WANG AMANAH | KUMPULAN WANG PINJAMAN | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| **Baki Pada 1 Januari 2022** | | **(67,803,349)** | **106,975,133** | **-** | **-** | **614,202,784** | **135,966,645** | **12,647,637** | **801,988,850** |
| Pelarasan Tahun Lalu | | 794,345 | - | - | - | (6,367,998) | - | - | **(5,573,653)** |
| Pengelasan Baki Kepada Kumpulan Wang Baru | | - | - | 121,034,616 | 20,659,245 | (8,807,793) | (132,886,068) | - | - |
| Lebihan/(Kurangan) | | 7,879,960 | (3,343,824) | 24,711,459 | 2,603,940 | (9,041,303) | 5,453,218 | (1,678) | **28,261,772** |
| **Seperti yang dinyatakan sebelum ini** | | **(59,129,044)** | **103,631,309** | **145,746,075** | **23,263,185** | **589,985,690** | **8,533,795** | **12,645,959** | **824,676,969** |
| Pelarasan Tahun Lalu | 34 | 29,974 | - | 2,528 | - | - | - | - | 32,502 |
| **Baki dinyatakan semula pada 31 Disember 2022** | | **(59,099,070)** | **103,631,309** | **145,748,603** | **23,263,185** | **589,985,690** | **8,533,795** | **12,645,959** | **824,709,471** |
| Lebihan/(Kurangan) | | **6,728,648** | **99,377** | **2,198,634** | **14,699** | **11,121,504** | **160,357** | **114** | **20,323,333** |
| **Baki Pada 31 Disember 2023** | | **(52,370,422)** | **103,730,686** | **147,947,237** | **23,277,884** | **601,107,194** | **8,694,152** | **12,646,073** | **845,032,804** |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada asas penyata ini.

**PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

| | NOTA | KUMPULAN 2023 RM | KUMPULAN 2022 Dinyatakan Semula RM | UUM 2023 RM | UUM 2022 Dinyatakan Semula RM |
|---|---|---|---|---|---|
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI** | | | | | |
| Penerimaan dari pelanggan | | 174,683,824 | 196,248,730 | 159,482,561 | 174,111,466 |
| Penerimaan dari pemberian kerajaan | | 297,348,200 | 301,000,800 | 297,348,200 | 301,000,800 |
| Pembayaran perbelanjaan operasi | | (463,439,279) | (448,502,675) | (451,244,307) | (430,678,167) |
| Penghasilan tunai dari operasi | | 8,592,745 | 48,746,855 | 5,586,454 | 44,434,099 |
| Bayaran cukai | | (1,750,307) | (2,008,262) | - | - |
| Cukai dikembalikan | | 316,929 | 4,800 | - | - |
| Faedah dibayar | | (1,448,214) | (1,536,362) | - | - |
| **Tunai bersih dari/(digunakan untuk) aktiviti operasi** | | **5,711,153** | **45,207,031** | **5,586,454** | **44,434,099** |
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN** | | | | | |
| Belian hartanah, loji dan peralatan | | (4,841,340) | (2,639,166) | (4,065,584) | (1,858,591) |
| Belian hartanah pelaburan | | - | (9,167,040) | | |
| Tambahan pembinaan dalam kemajuan | | (45,206,363) | (18,558,954) | (44,842,843) | (18,558,954) |
| Keuntungan dari Pelaburan | | 13,000,805 | 6,637,577 | 11,638,913 | 7,003,648 |
| Dividen diterima | | - | - | 400,000 | - |
| Terimaan/(Pembayaran) pinjaman kakitangan | | 4,821,282 | (255,743) | 4,821,282 | (255,743) |
| Penerimaan dari pelupusan hartanah, loji dan peralatan | | - | 8,456,858 | - | - |
| Penebusan saham keutamaan *RCPS* | | - | - | - | - |
| (Tambahan)/Pengurangan simpanan tetap dicagarkan | | 388,726 | - | - | - |
| Pencairan pelaburan | | - | - | - | - |
| **Tunai bersih digunakan untuk aktiviti pelaburan** | | **(31,836,890)** | **(15,526,468)** | **(32,048,232)** | **(13,669,640)** |
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN** | | | | | |
| Penerimaan geran penyelidikan | | 1,068,070 | 3,031,068 | 1,068,070 | 3,031,068 |
| Penerimaan geran pembangunan | | 42,960,000 | 12,970,000 | 42,960,000 | 12,970,000 |
| Bayaran liabiliti pajakan kewangan | | (108,953) | (116,824) | - | - |
| Bayaran pinjaman jangka panjang | | (600,961) | (4,046,416) | - | - |
| Pengeluaran tunai dari pinjaman berjangka | | - | 10,600,000 | - | - |
| **Tunai bersih dari aktiviti pembiayaan** | | **43,318,156** | **22,437,828** | **44,028,070** | **16,001,068** |
| **Peningkatan/(Pengurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai** | | **17,192,419** | **52,118,391** | **17,566,292** | **46,765,527** |
| Tunai dan bersamaan tunai pada awal tahun | | 310,147,883 | 258,029,492 | 301,058,013 | 254,292,486 |
| **Tunai dan bersamaan tunai pada akhir tahun** | | **327,340,302** | **310,147,883** | **318,624,305** | **301,058,013** |
| Simpanan tetap institusi kewangan berlesen | 5 | 301,530,115 | 292,670,048 | 297,854,418 | 288,518,019 |
| Wang tunai dan baki di bank | 6 | 29,792,500 | 22,090,844 | 20,769,887 | 12,539,994 |
| Overdraf bank | 21 | (724,157) | (966,127) | - | - |
| | | 330,598,458 | 313,794,765 | 318,624,305 | 301,058,013 |
| Simpanan tetap dicagarkan kepada institusi kewangan | 5 | (3,258,156) | (3,646,882) | - | - |
| | | **327,340,302** | **310,147,883** | **318,624,305** | **301,058,013** |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada asas penyata ini.

**PENYATA PERBANDINGAN ANTARA AMAUN BAJET DAN AMAUN SEBENAR**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**
***Bajet pada Asas Tunai***

| | NOTA | Amaun Bajet Asal RM | Amaun Bajet Akhir RM | Amaun Sebenar pada asas boleh banding RM | *Perbezaan Bajet Akhir dengan Sebenar* RM |
|---|---|---|---|---|---|
| **TERIMAAN** | | | | | |
| Pemberian Kerajaan | | 295,348,200 | 295,348,200 | 295,348,200 | - |
| Yuran Pengajian | | 68,450,000 | 68,450,000 | 71,115,391 | (2,665,391) |
| Sewaan | | 2,166,800 | 2,166,800 | 1,144,389 | 1,022,411 |
| Keuntungan dari Pelaburan | | 8,325,000 | 8,325,000 | 10,083,109 | (1,758,109) |
| Lain-lain Hasil | | 17,710,000 | 17,710,000 | 13,146,418 | 4,563,582 |
| **Jumlah Terimaan** | | **392,000,000** | **392,000,000** | **390,837,507** | **1,162,493** |
| **BAYARAN** | | | | | |
| **Emolumen** | | | | | |
| Gaji dan Upah | | 192,050,000 | 192,050,000 | 176,098,692 | 15,951,308 |
| Elaun Tetap | | 44,840,000 | 44,840,000 | 41,329,080 | 3,510,920 |
| Sumbangan Berkanun | | 31,150,000 | 31,150,000 | 30,443,709 | 706,291 |
| Elaun Lebih Masa | | 950,000 | 950,000 | 1,626,174 | (676,174) |
| Faedah Kewangan Lain | | 6,000,000 | 6,000,000 | 11,528,661 | (5,528,661) |
| | | **274,990,000** | **274,990,000** | **261,026,316** | **13,963,684** |
| **Perkhidmatan dan Bekalan** | | | | | |
| Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup | | 2,200,000 | 2,200,000 | 2,375,685 | (175,685) |
| Pengangkutan Barang-Barang | | 50,000 | 50,000 | 74,914 | (24,914) |
| Perhubungan dan Utiliti | | 25,200,000 | 25,200,000 | 37,126,430 | (11,926,430) |
| Sewaan | | 6,500,000 | 6,500,000 | 3,523,950 | 2,976,050 |
| Bekalan Bahan Mentah dan Alat Ganti | | 1,000,000 | 1,000,000 | 1,379,421 | (379,421) |
| Bekalan dan Bahan-Bahan Lain | | 3,900,000 | 3,900,000 | 4,853,332 | (953,332) |
| Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil | | 33,300,000 | 33,300,000 | 32,535,511 | 764,489 |
| Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti | | 29,196,000 | 29,196,000 | 24,300,470 | 4,895,530 |
| | | **101,346,000** | **101,346,000** | **106,169,713** | **(4,823,713)** |
| Harta Modal | | 294,000 | 294,000 | 402,778 | (108,778) |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | | 9,450,000 | 9,450,000 | 2,818,219 | 6,631,781 |
| Bayaran-Bayaran Lain | | 5,920,000 | 5,920,000 | 4,168,838 | 1,751,162 |
| **Jumlah Bayaran** | 35 | **392,000,000** | **392,000,000** | **374,585,864** | **17,414,136** |
| **TERIMAAN/(BAYARAN) BERSIH** | | **-** | **-** | **16,251,643** | **(16,251,643)** |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada asas penyata ini.

## NOTA KEPADA AKAUN

### 1. MAKLUMAT AM

a. Universiti Utara Malaysia (UUM) secara rasminya ditubuhkan pada 16 Februari 1984 di mana ia merupakan universiti awam ke-enam (ke-6) yang ditubuhkan di Malaysia. Aktiviti utama UUM adalah untuk mengembangkan dan memajukan pendidikan terutamanya dalam bidang pengurusan. Aktiviti utama anak syarikat adalah dalam perniagaan penerbitan, perfileman, latihan dan perundingan, pelaburan dan latihan khidmat negara. Aktiviti-aktiviti utama anak syarikat dinyatakan di nota 14 kepada penyata kewangan.

b. UUM beroperasi di 06010 Sintok, Kedah Darul Aman. UUM juga mempunyai pejabat operasi di Jalan Raja Muda Abdul Aziz, 50300 Kuala Lumpur.

c. Penyata Kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) yang merupakan mata wang berfungsi UUM. Semua maklumat kewangan yang dibentangkan adalah dalam RM dan nilai dibundarkan ke RM terdekat.

d. Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti pada 19 Mei 2024.

### 2. PENYATA PEMATUHAN

UUM telah menerima pakai Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) dan Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 telah disediakan dengan mematuhi piawaian yang diperuntukkan oleh MPSAS.

Penyata ini juga disediakan dengan mematuhi peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti. Penyata Kewangan entiti yang dikawal pula telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Entiti Sektor Swasta (MPERS) dan penyesuaian dengan piawaian pelaporan MPSAS telah dilakukan bagi tujuan penyatuan akaun kumpulan.

**a) Perubahan Dalam Polisi Perakaunan Disebabkan Perubahan kepada MPSAS**

Berikut merupakan perubahan kepada piawaian perakaunan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) yang belum efektif dan belum digunapakai oleh Kumpulan dan Universiti:-

**Efektif 1 Januari 2024:**

**1. Penambahbaikan MPSAS disebabkan oleh Kerangka Konseptual IPSAS untuk Pelaporan Kewangan Tujuan Am oleh Entiti Sektor Awam**

Ciri kualitatif di dalam piawaian MPSAS telah digantikan supaya selaras dengan ciri kualitatif di dalam Kerangka Konseptual Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (*International Public Sector Accounting Standards* (IPSAS)).

**2. Penambahbaikan Am kepada MPSAS**

i) Penyingkiran rujukan di dalam MPSAS kepada piawaian perakaunan antarabangsa atau kebangsaan berkaitan aset bukan semasa dipegang untuk dijual dan operasi dihentikan.

Penambahbaikan ini menyingkirkan rujukan kepada IFRS 5 dan MFRS 5, Aset Bukan Semasa Dipegang untuk Dijual dan Operasi Dihentikan disebabkan rujukan tersebut tidak sesuai untuk digunapakai sepenuhnya untuk sektor awam.

ii) Pengecilan skop MPSAS 27, Pertanian

Tumbuhan penghasil telah dikeluarkan daripada skop MPSAS 27, Pertanian dan dipindahkan di bawah skop MPSAS 17, Hartanah, Loji dan Peralatan selaras dengan keperluan yang sama oleh IPSAS dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS).

iii) Penjelasan kaedah boleh diterima untuk susutnilai dan pelunasan

Penjelasan bahawa kaedah susutnilai dan pelunasan berdasarkan janaan hasil oleh aktiviti yang menggunakan aset tersebut adalah tidak sesuai disebabkan komponen harga untuk hasil dijana mungkin disebabkan inflasi, yang mana tidak berkait dengan cara aset tersebut digunakan.

iv) Persembahan aset konsesi perkhidmatan

Perubahan melibatkan MPSAS 32, Aturan Perkhidmatan Konsesi di mana kelas aset untuk aset perkhidmatan konsesi tidak perlu ditunjukkan sebagai satu kelas berasingan. Sebaliknya, ia perlu diagregatkan di dalam kelas yang bersifat serupa selaras dengan keperluan MPSAS 17, Hartanah, Loji dan Peralatan atau MPSAS 31, Aset Tak Ketara.

Keperluan MPSAS 32 sebelum ini yang memerlukan aset konsesi perkhidmatan perlu dikelaskan sebagai satu kelas walaupun sifat dan fungsi aset adalah berbeza, dilihat bercanggah dengan keperluan MPSAS 17 dan MPSAS 31.

Kesan daripada perubahan ini, amaun bawaan aset perkhidmatan konsesi pada akhir tahun pelaporan hendaklah didedahkan sebagai nota tambahan. Sebarang perubahan pengukuran daripada reklasifikasi semula kelas aset ini hendaklah dibuat secara retrospektif.

**3. Penambahbaikan MPSAS berdasarkan Panduan Pelaporan Statistik Kewangan Kerajaan**

Penambahbaikan adalah bagi meningkatkan konsistensi terminologi digunapakai oleh MPSAS (MPSAS 12, Inventori dan MPSAS 17, Hartanah, Loji dan Peralatan) dengan *Government Finance Statistics (GFS) Reporting Guidelines* yang dikeluarkan oleh *International Monetary Fund* (IMF).

**i) Rosotnilai aset dinilaikan semula**

Penambahbaikan bagi menjelaskan bahawa aset diukur pada amaun dinilaikan semula berdasarkan MPSAS 17, Hartanah, Loji dan Peralatan dan MPSAS 31, Aset Tak Ketara, adalah termasuk di dalam skop MPSAS 21, Rosotnilai Aset Tidak-Menjana-Tunai dan MPSAS 26, Rosotnilai Aset Menjana-Tunai selaras dengan penambahbaikan yang sama oleh IPSAS.

**ii) Pemakaian MPSAS**

Penambahbaikan dengan menyingkirkan definisi Perusahaan Perniagaan Kerajaan (*Government Business Enterprise* (GBE)) di MPSAS 1, Persembahan Penyata Kewangan.

Terma GBE di dalam MPSAS yang lain juga disingkirkan. MPSAS menjelaskan bahawa semua sektor entiti awam perlu menggunapakai MPSAS kecuali sektor entiti awam komersial dan entiti yang diwajibkan oleh undang-undang untuk menggunapakai piawaian selain MPSAS.

Kumpulan dan Universiti akan menggunapakai piawaian dan perubahan piawaian di atas, sekiranya terpakai, apabila ia efektif.

Pemakaian piawaian dan perubahan piawaian pada tempoh permulaan dijangka tidak akan memberi kesan kewangan signifikan kepada Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti bagi tempoh kewangan semasa dan terdahulu.

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

### a) Asas Penyediaan Akaun

Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti ini telah disediakan berdasarkan kos sejarah kecuali dinyatakan sebaliknya di dalam penyata dasar perakaunan ini.

### b) Kombinasi Perniagaan

Kumpulan mengguna pakai kaedah pengambilalihan untuk mengakaunkan semua kombinasi perniagaan. Sekiranya pengambilalihan sesuatu aset atau kumpulan aset bukan aset perniagaan, ianya akan diakaunkan sebagai pengambilalihan aset. Kumpulan mengenal pasti tarikh pengambilalihan sesuatu Kombinasi Perniagaan sebagai tarikh Kumpulan memiliki kawalan ke atas syarikat yang diambil alih.

Kawalan ke atas syarikat diperoleh apabila Kumpulan berkuasa untuk menentukan hala tuju polisi kewangan dan operasi ke atas syarikat yang dilabur bagi memperoleh faedah ke atas aktivitinya. Ini memerlukan syarat-syarat asas dan utama dipenuhi, seperti melengkapkan pengauditan *due diligence* dan mendapatkan kelulusan Lembaga Pengarah Universiti sekiranya dinyatakan secara jelas di dalam perjanjian jual beli.

Pada tarikh pengambilalihan, Kumpulan mengiktiraf secara berasingan antara muhibah, aset yang diambil alih, anggaran liabiliti dan sebarang kepentingan minoriti yang dimiliki oleh pemilik asal perniagaan. Aset dan liabiliti yang diambil alih diukur dengan nilai saksama pada tarikh pengambilalihan kecuali bagi aset dan liabiliti yang dibenarkan dan memerlukan asas pengukuran lain sepertimana ditetapkan piawaian yang diterima pakai oleh entiti yang dikawal.

Pengukuran kepentingan minoriti semasa tarikh pengambilalihan adalah berdasarkan pembahagian aset bersih pada tarikh pengambilalihan, tidak termasuk muhibah.

Kos Kombinasi Perniagaan dinilai pada nilai saksama, dengan mengambil kira jumlah aset yang dipindah milik pada tarikh pengambilalihan, liabiliti pemilik asal perniagaan, dan instrumen ekuiti yang diterbitkan oleh Kumpulan. Perbelanjaan yang berlaku semasa proses kombinasi akan dipermodalkan sebagai kos Kombinasi Perniagaan.

Sekiranya proses perakaunan awal untuk perniagaan tidak lengkap pada tempoh pelaporan pada masa berlakunya kombinasi, Kumpulan menggunakan amaun peruntukan pada nilai saksama untuk item-item yang tidak lengkap.

Amaun peruntukan diselaraskan bagi menyatakan maklumat baru yang diperoleh terhadap fakta dan keadaan yang wujud pada tarikh pengambilalihan, termasuk tambahan aset atau liabiliti yang dikenal pasti di dalam tempoh pengukuran. Tempoh pengukuran untuk proses perakaunan awal tamat selepas satu tahun dari tarikh pengambilalihan.

**c) Asas Penyatuan**

Penyata Kewangan yang disatukan meliputi Penyata Kewangan Universiti dan anak syarikatnya yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan. Penyata Kewangan anak syarikat diambil kira dalam Penyata Kewangan yang disatukan dari tarikh pengambilalihan sehingga ke tarikh pelupusan.

Sekiranya terdapat perbezaan ke atas kos pelaburan yang mana kos pelaburan adalah lebih besar dari nilai saksama aset diambilalih, muhibah diiktiraf ke penyata kedudukan kewangan. Manakala sekiranya kos pelaburan adalah kurang, keuntungan belian murah akan diiktiraf ke penyata prestasi kewangan.

**d) Muhibah dan *Bargain Purchase***

Kombinasi perniagaan yang diambil kira di bawah kaedah pengambilalihan, muhibah diiktiraf sebagai aset pada tarikh pengambilalihan, diukur pada perbezaan antara kos pelaburan dan pembahagian aset bersih yang diambil alih.

Pembahagian muhibah ke atas kepentingan minoriti tidak diiktiraf. Selepas pengiktirafan awal, muhibah diukur pada kos dan ditolak sebarang kerugian rosot nilai terkumpul.

Muhibah adalah tertakluk kepada ujian rosot nilai yang akan disemak kepada indikasi rosot nilai pada setiap akhir pelaporan. Kerugian penjejasan nilai yang diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam sesuatu tempoh

Terdapat keadaan apabila aset bersih melebihi kos kombinasi,penilaian semula tarikh pengambilalihan akan dilakukan dan lebihan akan diiktiraf pada untung atau rugi dengan serta merta sebagai *bargain purchase* dan atribut kepada pemilik syarikat Holdings sahaja.

**e) Hartanah, Loji dan Peralatan (HLP)**

Hartanah, loji dan peralatan, dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul. Susut nilai tidak diperuntukkan bagi tanah milik bebas.

HLP yang kosnya RM3,000 atau lebih dan mempunyai usia guna melebihi satu (1) tahun akan dipermodalkan. HLP yang kosnya kurang daripada RM3,000 dan mempunyai usia guna melebihi satu (1) tahun akan direkodkan dalam daftar inventori dan tidak dipermodalkan.

Susut nilai bagi semua HLP dikira berasaskan kaedah garis lurus ke atas anggaran hayat kegunaan HLP berkenaan. Susut nilai akan dijana secara bulanan pada setiap 01 haribulan.

**NOTA KEPADA AKAUN**

Kadar susut nilai tahunan bagi aset HLP UUM adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Bangunan | 2-10% |
| Kenderaan | 20% |
| Tanah Pajakan | Usia Pajakan |
| Kemudahan dan infrastruktur | 5% |
| Alat Pengajaran dan Penyelidikan | 10% |
| Kelengkapan Sukan, Kesenian dan Riadah | 25% |
| Mesin, Komputer dan Perisian, Perabot dan Peralatan Pejabat | 20% - 25% |

Perbelanjaan penambahbaikan dan ubahsuai bangunan dan infrastruktur dipermodalkan jika ianya meningkat usia guna aset berkenaan dan jumlah perbelanjaan melebihi 5% dari kos asal aset berkenaan.

Nilai dibawa aset akan ditaksir dan diturunkan dengan serta-merta kepada jumlah yang boleh dikutip semula apabila petunjuk penurunan nilai wujud. Pada tahun 2021, Kumpulan Anak Syarikat telah membuat semakan semula ke atas anggaran usia guna HLP berdasarkan pengalaman penggunaan sesuatu HLP. Berikut merupakan semakan semula usia guna HLP yang telah dilakukan oleh Kumpulan Anak Syarikat:

| | Tahun Semasa | Tahun Sebelum |
|---|---|---|
| Bangunan | 100 tahun | 81 tahun |
| Kenderaan | 15 tahun | 5 tahun |
| Tanah Pajakan | 81 tahun | 81 tahun |
| Kemudahan dan infrastruktur | 20 tahun | 10-20 tahun |
| Komputer | 5 tahun | 2.5 tahun |
| Perabot, Kelengkapan & Peralatan | 10-15 tahun | 10-15 tahun |
| Loji dan Mesin | 20 tahun | 10-20 tahun |

**f) Hartanah Pelaburan**

Hartanah pelaburan terdiri daripada harta yang dipegang bagi mendapatkan pulangan sewa atau untuk kenaikan modal atau kedua-duanya. Hartanah pelaburan dinyatakan pada kos selepas ditolak susut nilai terkumpul dan rugi terjejas terkumpul. Hartanah pelaburan disusut nilai mengikut kaedah garis lurus untuk menghapuskan kos aset kepada nilai baki bersih sepanjang usia penggunaan anggaran 50 tahun. Susut nilai akan dijana secara bulanan pada setiap 01 haribulan. Susut nilai tidak diperuntukkan bagi tanah milik bebas.

Selepas pengiktirafan sebagai hartanah pelaburan, jika nilai saksama item hartanah pelaburan boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar, ia mesti diukur pada nilai saksama pada setiap tarikh pelaporan dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Jika ukuran yang pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati tanpa kos atau usaha yang tidak wajar untuk sesuatu hartanah pelaburan yang diukur pada nilai saksama, ia adalah diambil kira

sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan. Amaun dibawa hartanah pelaburan pada tarikh tersebut menjadi kosnya.
Apabila hartanah pelaburan dilupuskan atau tidak digunakan langsung dan dijangka tiada pulangan masa hadapan daripada pelupusan tersebut, ia akan disingkirkan daripada Penyata Kedudukan Kewangan. Perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa akan diiktiraf di Penyata Pendapatan dalam tempoh ia dilupuskan.

Kadar susut nilai bagi bangunan yang diklasifikasikan sebagai Hartanah Pelaburan adalah pada kadar dua peratus (2%) sebagaimana di Nota 15. Pada setiap tarikh pelaporan, Kumpulan perlu menilai sama ada terdapat petunjuk penjejasan. Jika terdapat petunjuk penjejasan, analisa perlu dilakukan bagi menilai sama ada nilai dibawa aset boleh diperoleh semula dengan sepenuhnya. Rugi terjejas akan diperuntukkan jika nilai dibawa melebihi nilai diperoleh.

**g) Pembinaan Dalam Kemajuan**

Pembinaan dalam kemajuan meliputi bangunan yang sedang dibina dan belum disempurnakan pada tarikh Penyata Kewangan serta dinilai mengikut peringkat bayaran dan susut nilai tidak diperuntukkan.

Apabila pembinaan siap, kos pembinaan dipindah ke aset tetap yang berkenaan dan akan diselaraskan kepada penyata pretasi kewangan sebagai belanja sekiranya tidak memenuhi kriteria HLP atau hartanah pelaburan yang ditetapkan oleh piawaian dan dasar perakaunan.

Sesuatu pembinaan itu disahkan siap apabila *Certificate of Practical Completion* telah dikeluarkan.

**h) Pelaburan Dalam Anak Syarikat**

Anak Syarikat adalah merujuk kepada entiti yang mana UUM mempunyai kuasa untuk mengawal polisi-polisi kewangan dan operasi untuk mendapatkan manfaat daripada aktiviti-aktivitinya.

Pelaburan dalam anak syarikat diukur pada kos setelah ditolak sebarang rosot nilai. Kos pelaburan termasuk kos-kos transaksi.

**i) Penjejasan Aset Bukan Kewangan**

Aset bukan kewangan yang tidak mempunyai usia penggunaan adalah tidak tertakluk kepada pelunasan dan dinilai untuk penjejasan setiap tahun. Aset bukan kewangan yang tertakluk kepada pelunasan akan disemak untuk penjejasan apabila peristiwa atau berlaku perubahan pada keadaan yang menunjukkan nilai dibawa berkemungkinan tidak akan diperoleh.

Rugi terjejas diiktiraf apabila nilai dibawa aset bukan kewangan melebihi nilai diperoleh. Nilai diperoleh adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama aset bukan kewangan ditolak kos jualan atau nilai penggunaan.

Bagi tujuan menilai penjejasan, aset bukan kewangan dikumpulkan pada tahap terendah di mana aliran tunai boleh dikenal pasti secara berasingan (unit penjana tunai). Aset bukan kewangan selain daripada muhibah yang mengalami penjejasan disemak untuk kemungkinan pembalikan penjejasan pada setiap tahun pelaporan.

**j) Inventori**

Inventori dinyatakan pada harga terendah (ditentukan pada asas masuk dahulu) dan nilai boleh direalisasikan bersih, nilai ini diwakili oleh anggaran harga jualan tolak kos-kos pemasaran dan jualan.

**k) Liabiliti Pajakan Kewangan**

Aset yang diperoleh secara pajakan kewangan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan dan disusut nilai berdasarkan asas yang dinyatakan pada Nota 3(e). Komitmen masa hadapan dinyatakan dalam liabiliti di penyata kedudukan kewangan.

Caj kewangan diagihkan mengikut tempoh perjanjian ke penyata keuntungan dan kerugian supaya ianya memberikan kadar berkala malar caj kewangan berdasarkan baki liabiliti sewa beli.

**l) Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan**

Pendapatan dan perbelanjaan diiktiraf atas dasar akruan.

i) Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan.

Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu. Berikut merupakan ketetapan bagi urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf atas dasar akruan:

1) Geran mengurus diiktiraf apabila hak untuk menerima telah diperakui kelulusannya dan akan diperoleh untuk tahun kewangan tersebut.
2) Geran untuk pembangunan akan diiktiraf sebagai geran modal tertunda dan akan dilunaskan mengikut aliran sumber keluar.
3) Sumbangan, derma, pelarasan akhir tahun kewangan, dan pelbagai terimaan lain yang mempunyai manfaat ekonomi dan boleh diukur dan munasabah direkodkan dalam kategori urus niaga bukan pertukaran.

ii) Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti. Berikut merupakan ketetapan bagi urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf atas dasar akruan:

1) Pendapatan daripada yuran pengajian pelajar adalah diiktiraf keseluruhannya apabila pendaftaran dibuka dalam tahun.
2) Pendapatan daripada perkhidmatan diiktiraf apabila perkhidmatan selesai disempurnakan.

3) Pendapatan daripada jualan barangan diiktiraf apabila barangan selesai dihantar.
4) Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima telah diperakui kelulusannya.
5) Pendapatan dari pelaburan dan pinjaman diiktiraf berdasarkan kaedah faedah efektif dan diakru pada setiap 01 haribulan.
6) Pendapatan sewa dan pendapatan royalti diiktiraf berdasarkan asas akruan selaras dengan inti pati perjanjian.
7) Pendapatan daripada yuran, pelaburan dan simpanan tetap yang tidak ada arahan amanah khusus dianggap sebagai pendapatan Universiti dan dimasukkan ke dalam dana yang berasingan.

iii) Perbelanjaan bagi perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja diiktiraf apabila ianya telah berlaku yang mana titik pengiktirafan adalah menggunakan dokumen invois/bil yang diterima dan disahkan. Bagi aktiviti yang melibat penerimaan barang dan perkhidmatan perlulah disahkan terlebih dahulu sebelum belanja diiktiraf.

**m) Cukai Pendapatan**

UUM adalah dikecualikan dari cukai pendapatan atas pendapatannya di bawah perenggan 13 Jadual 6, Bahagian 1(a), Akta Cukai Pendapatan 1967. Bagi anak syarikat perbelanjaan cukai semasa adalah cukai yang dijangkakan ke atas pendapatan boleh cukai dengan menggunakan kadar cukai yang diwartakan. Cukai tertunda anak syarikat diperuntukkan menurut kaedah tanggungan ke atas semua perbezaan masa yang ketara kecuali di mana terdapat bukti munasabah bahawa perbezaan masa ini tidak akan berbalik pada masa hadapan.

**n) Tunai dan Kesetaraan Tunai**

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada wang tunai, baki di bank, simpanan tetap institusi kewangan berlesen dan overdraf bank.

**o) Manfaat Pekerja**

**i) Manfaat Jangka Pendek**

Upah, gaji dan bonus dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan dilaksanakan oleh pekerja.

**ii) Pelan Caruman Tetap**

Kumpulan dan UUM membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi pekerja yang tidak berpencen dan Tabung Amanah Pencen Kerajaan bagi pekerja di bawah skim pencen. Sumbangan berkanun berkenaan diambil kira sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan apabila perbelanjaan tersebut terakru setiap bulan.

**iii) Manfaat Jangka Panjang**

Pengiraan amaun peruntukan bagi bayaran *award* ganjaran cuti rehat (AGCR) kepada staf adalah melibatkan kriteria berikut:

1) Semua staf bertaraf tetap yang berumur 40 tahun dan ke atas
2) Bilangan AGCR terkumpul sebenar sehingga 31 Disember tahun kewangan
3) Bilangan maksimum hari untuk AGCR yang diambil kira ialah 180 hari

4) Kadar gaji dan elaun tetap bulanan pada 31 Disember tahun kewangan

**p) Instrumen Kewangan**

**i) Pengiktirafan dan Pengukuran Awal**

Instrumen kewangan adalah aset kewangan atau liabiliti kewangan diiktiraf di dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Kumpulan dan UUM menjadi pihak yang terikat pada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Instrumen kewangan diiktiraf di peringkat awal pada harga transaksi (termasuk kos transaksi kecuali pengukuran awal untuk aset kewangan dan liabiliti kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit).

**ii) Pengukuran seterusnya**

Instrumen hutang yang diklasifikasikan sebagai aset semasa atau liabiliti semasa diukur pada jumlah tanpa diskaun tunai atau pertimbangan yang dijangka akan dibayar atau diterima melainkan pengaturan itu merupakan pada dasarnya, suatu transaksi pembiayaan.

Pelaburan dalam saham biasa yang tidak boleh dijual kecuali saham tersebut didagangkan di pasaran terbuka atau nilai saksamanya boleh diukur, di mana pelaburan tersebut boleh diukur pada nilai saksama dengan perubahan nilai saksamanya dapat diiktiraf dalam lebihan atau defisit.

Semua aset kewangan atau liabiliti kewangan lain yang tidak diukur pada kos pelunasan atau kos rosot nilai diukur pada nilai saksama dengan perubahan diiktiraf dalam lebihan atau defisit.

Semua aset kewangan (kecuali aset kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit) ditafsir pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif rosot nilai. Rosot nilai diukur seperti berikut:-

a) Bagi instrumen diukur pada kos terlunas, amaun rosot nilai diukur sebagai perbezaan antara amaun bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai hadapan yang didiskaunkan pada kadar pulangan efektif asal aset kewangan tersebut.

b) Bagi instrumen yang diukur pada kos tolak rosot nilai, rosot nilai adalah perbezaan di antara amaun bawaan aset dan anggaran terbaik amaun yang akan diterima bagi aset jika ia dijual pada tarikh pelaporan.

**iii) Penyahiktirafan**

Aset kewangan atau sebahagiannya akan dinyahiktiraf apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan telah luput dan selesai, atau hak tidak memindahkan aset tidak mahu mengekalkan semua risiko dan ganjaran aset atau tidak memindahkan kawalan aset ini kepada pihak lain. Apabila instrumen aset kewangan dinyahiktiraf, perbezaan di antara nilai bawaan dan jumlah yang diterima dan sebarang keuntungan dan kerugian terkumpul akan diiktiraf di dalam lebihan atau defisit.

Penyahiktirafan liabiliti kewangan akan dilakukan apabila obligasi di bawah liabiliti telah dibatalkan atau ditamatkan atau luput. Apabila instrumen liabiliti kewangan dinyahiktiraf, perbezaan antara nilai bawaan liabiliti kewangan asal dan pertimbangan yang dibayar diiktiraf di dalam lebihan atau defisit.

**q) Kos Pinjaman**

Kos Pinjaman Kumpulan adalah termasuk faedah atas pinjaman, liabiliti ke atas pajakan kewangan dan perbelanjaan faedah ke atas instrumen hutang yang dikira menggunakan kaedah faedah efektif. Semua kos pinjaman diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila ianya telah berlaku.

**r) Maklumat Bajet**

Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan Penyata Kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan dan hanya merujuk kepada bajet mengurus sahaja.

Jumlah bajet hanya dibentangkan bagi pihak UUM sahaja dan tidak mengambilkira bajet entiti yang dikawal/anak syarikat kerana ianya tidak perlu didedahkan kepada pihak luar. Jumlah bajet ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti.

**s) Aset Biologi**

Perbelanjaan awal yang ditanggung untuk penanaman baru dan penanaman semula sehingga matang dipermodalkan di bawah aset biologi. Sebahagian kos tidak langsung yang termasuk perbelanjaan umum dan pentadbiran serta perbelanjaan tidak langsung yang ditanggung untuk tanaman yang belum matang juga dipermodalkan di bawah aset biology sehingga tanaman mencapai tahap kematangan.

Kos penyelenggaraan yang ditanggung selepas tahap kematangan akan direkod sebagai kos jualan untuk dipadankan dengan pendapatan daripada hasil tanaman atau buah yang dituai. Semua aset biologi dinyatakan pada kos selepas ditolak dengan susut nilai terkumpul atau sebarang penjejasan nilai.

## 4. PERTIMBANGAN PERAKAUNAN KRITIKAL DAN SUMBER UTAMA KETIDAKPASTIAN ANGGARAN

UUM berpendapat bahawa tiada pertimbangan perakaunan kritikal dan sumber utama ketidakpastian anggaran yang digunakan ketika menyediakan Penyata Kewangan selain yang dinyatakan seperti berikut:-

**a) Pengukuran Peruntukan**

UUM sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan ini. Anggaran ini dibuat berdasarkan kepada pengukuran lalu, lain-lain penunjuk atau andaian perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

**NOTA KEPADA AKAUN**

**b) Penentuan Hartanah Pelaburan**

Sebahagian daripada hartanah Kumpulan dan UUM adalah dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk tujuan peningkatan nilai atau untuk kedua-duanya. Manakala sebahagian yang lain pula dipegang. Jika bahagian sesuatu hartanah itu yang dipegang untuk tujuan mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai boleh dijual secara berasingan atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan, maka Kumpulan dan UUM akan mengkategorikan bahagian tersebut sebagai hartanah pelaburan. Manakala jika sesuatu bahagian hartanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, maka ia akan diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan jika sebahagian hartanah yang lain yang dipegang untuk kegunaan sendiri adalah tidak signifikan.

**c) Rosot Nilai Aset Kewangan**

Kumpulan dan UUM menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif rosot nilai, Kumpulan dan UUM menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar berhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti objektif kemerosotan nilai, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

**d) Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan**

Setiap hartanah, loji dan peralatan disusut nilai mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Pengurusan menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan dalam tempoh 4 hingga 50 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susut nilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

**NOTA KEPADA AKAUN**

## 5. SIMPANAN TETAP INSTITUSI KEWANGAN BERLESEN

| | KUMPULAN | | UUM | |
|---|---|---|---|---|
| | **2023 RM** | **2022 RM** | **2023 RM** | **2022 RM** |
| Kumpulan Wang Pendapatan | 26,000,000 | 31,000,000 | 26,000,000 | 31,000,000 |
| Kumpulan Wang Projek | 131,532,747 | 109,532,748 | 131,532,747 | 109,532,748 |
| Kumpulan Wang Penyelidikan | 35,851,453 | 35,851,453 | 35,851,453 | 35,851,453 |
| Kumpulan Wang Pembangunan | 60,000,000 | 63,000,000 | 60,000,000 | 63,000,000 |
| Kumpulan Wang Amanah | 23,470,218 | 28,133,818 | 23,470,218 | 28,133,818 |
| Kumpulan Wang Pinjaman | 21,000,000 | 21,000,000 | 21,000,000 | 21,000,000 |
| Anak Syarikat* | 3,675,696 | 4,152,029 | - | - |
| | 301,530,114 | 292,670,048 | 297,854,418 | 288,518,019 |

*(a) Simpanan tetap yang berjumlah RM3,258,156 (2022: RM3,516,186) dicagarkan kepada bank atas kemudahan yang diterima oleh anak syarikat.

## 6. WANG TUNAI DAN BAKI DI BANK

| | KUMPULAN | | | |
|---|---|---|---|---|
| | **2023 RM** | **2022 RM Dinyatakan Semula** | **2023 RM** | **2022 RM Dinyatakan Semula** |
| Baki Di Bank | 29,536,900 | 21,840,771 | 20,541,135 | 12,315,459 |
| Wang Tunai Di Tangan | 255,601 | 250,073 | 228,752 | 224,535 |
| | 29,792,501 | 22,090,844 | 20,769,887 | 12,539,994 |

## 7. URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

| | KUMPULAN | | UUM | |
|---|---|---|---|---|
| | **2023 RM** | **2022 RM (Dinyatakan semula)** | **2023 RM** | **2022 RM (Dinyatakan semula)** |
| Penghutang Pelajar | 5,837,686 | 8,761,449 | 5,837,686 | 8,761,449 |
| Tolak : Peruntukan Hutang Ragu | (1,330,073) | (3,712,408) | (1,330,073) | (3,712,408) |
| Jumlah Selepas Peruntukan | 4,507,613 | 5,049,041 | 4,507,613 | 5,049,041 |
